



LAPORAN TAHUNAN

2022

**JABATAN ALAM SEKITAR
NEGERI MELAKA**

**FACEBOOK : JABATAN ALAM SEKITAR
WEBSITE : www.doe.gov.my**

**Tel/Faks : 06-2345720 / 06-2345721
ALAMAT : ARAS 19, MENARA PERSEKUTUAN
JALAN PERSEKUTUAN, HANG TUAH JAYA,
75450 AYER KEROH, MELAKA**

Isi Kandungan

Bil.	Tajuk	Muka Surat
Dari Meja Pengarah		
1. Pengenalan		
1.1.	Dasar Alam Sekitar Negara (DASN)	20
1.2.	Visi Dan Misi Jabatan Alam Sekitar	21
1.3.	Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka	22
2. Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan		
2.1.	Unit Pentadbiran	24
2.1.1.	Perhimpunan Bulanan	25
2.1.2.	Pertukaran/Persaraan	25
2.1.3.	Pengurusan Dokumen/Fail	26
2.1.4.	Pengurusan Aset Dan Stor	27
2.1.4.1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) Dan Mesyurat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (Fasiliti)	27
2.1.4.2.	Jawatankuasa Pengurusan Aset Dan Stor	27
2.1.4.3.	Pegawai Pemeriksa Aset Dan Stor	28
2.1.5.	Pengurusan Kenderaan	30
2.1.5.1.	Pemandu Kenderaan	30
2.1.5.2.	Pegawai Kenderaan/Pegawai Penyelia	31
2.2.	Seksyen Sumber Manusia	32
2.2.1.	Data Perjawatan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka	33

2.2.2. Pencapaian Kursus Bagi Tahun 2022	36
2.2.3. Sistem Latihan Bersepadu	36
2.2.4. Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)	36
2.2.5. Sistem Kehadiran Pejabat (DTA)	36
2.3. Seksyen Kewangan	37
2.3.1. Peruntukan Kewangan Berakhir 31 Disember 2022	37
2.3.2. Hasil	38
2.3.3. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA)	38
2.4. Seksyen Teknologi Maklumat	39
2.4.1. Aduan Kerosakan ICT	39
2.4.2. Perolehan Peralatan ICT	39
2.4.2.1. Pelupusan Peralatan ICT	39

3. Bahagian Operasi

3.1. Pemeriksaan Premis Di Bawah Seliaan Unit Punca Tetap Bagi Tahun 2022	42
3.2. Aduan Dan Premis Yang Ditetapkan	45
3.2.1. Aduan Pencemaran Alam Sekitar	45
3.2.2. Pecahan Aduan Mengikut Daerah 2022	47
3.2.3. Aduan Mengenai Pembakaran Terbuka	48
3.2.4. Permohonan Pembakaran Terbuka	48
3.2.5. Premis Yang Ditetapkan (PYDT)	55
3.2.6. Pengurusan Buangan Terjadual	57
3.2.6.1 Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Bagi Buangan Terjadual	57

3.3.	Pemeriksaan Premis Di Bawah Seliaan Punca Tetap	60
3.3.1.	Pemeriksaan Loji Pengolahan Kumbahan Tahun 2022	60
3.3.2.	Pendakwaan	63
3.3.3.	Gambar Penguatkuasaan Loji Kumbahan	67
3.4.	Unit Kenderaan Bermotor (UKB)	69
3.4.1.	Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Daripada Kenderaan Diesel	69
3.4.2.	Program Kawalan Pelepasan CO/HC Kenderaan Petrol, Gas Motosikal Dan Bunyi Bising Motosikal	72
3.4.3.	Program Pemeriksaan Ke Atas Premis Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator)	76
3.4.4.	Program Pemeriksaan Pengesanan Refrigerant (RI) Ke Atas Bengkel – Bengkel Penyaman Udara Kenderaan	78
3.4.5.	Penguatkuasaan Terhadap Peraturan 16, Peraturan – Peraturan (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 Dan Peraturan – Peraturan (Kawalan Daripada Enjin Petrol) 1996	79
3.4.6.	Program Ujian Semula Pelepasan Asap Di Puspakom	81
3.4.7.	Program Pemeriksaan/Audit Kemudahan Yang Di Luluskan (KYDL) Puspakom	81
3.4.8.	Kawalan Kandungan Petrol Dan Diesel	83
3.4.9.	Operasi Gerak	85
4.	Bahagian Pembangunan	
4.1.	Input Pembangunan	87
4.2.	Unit EIA Dan Penguatkuasaan EIA	90

4.2.1. Penilaian Laporan EIA	91
4.2.2. Penguatkuasaan EIA	94
4.3. Pemberitahuan Bertulis (Notifikasi)	98
4.3.1. Lain – Lain Permohonan	100
4.4. Unit Pendidikan, Kesedaran Dan Pengawasan	101
4.4.1. Unit Pendidikan Dan Kesedaran	101
4.4.1.1. Kempen Dan Pendidikan Alam Sekitar	101
4.4.1.2. Ceramah Dan Pameran Alam Sekitar	102
4.4.1.3. Program Sambutan Hari Bumi	108
4.4.1.4. Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia	109
4.4.1.5. Program Sambutan Hari Ozon	112
4.4.1.6. Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2022	117
4.4.1.7. Lain – Lain Aktiviti Tahun 2022	124
4.4.1.8. Program Rakan Alam Sekitar	127
4.4.2. Unit Pengawasan	129
4.4.2.1. Pengawasan Kualiti Air Sungai	129
4.4.2.2. Program Pengawasan Kualiti Air Marin	132
4.4.2.3. Pengawasan Kualiti Air Tanah	138
4.4.2.4. Pengawasan Kualiti Udara	141
4.4.2.5. Lokasi Stesen Pengawasan Udara Di Negeri Melaka	142
4.4.2.6. Pengawasan Bunyi Bising Ambien	144
5.0 Kesimpulan	145

Indeks

Senarai Jadual

Jadual 3.1	Status Pematuhan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Tahun 2022	56
Jadual 3.2	Jenis Dan Bilangan Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Buangan Terjadual Yang Dilesenkan Di Bawah Seksyen 18(1), AKAS 1974	57
Jadual 3.3	Bilangan Kes Yang Didaftarkan Mengikut Jenis Kesalahan Dan Jumlah Kutipan Denda Mahkamah Bagi Tahun 2022	64
Jadual 3.4	Jumlah Kutipan Denda Mahkamah Bagi Tahun 2022	65
Jadual 4.1	Bilangan Lembangan Dan Bilangan Stesen Kualiti Air Sungai Yang Dipantau Oleh Jabatan Alam Sekitar	131
Jadual 4.2	Klasifikasi Kualiti Air Sungai Mengikut Kelas	131
Jadual 4.3	“Marine Water Quality Criteria and Standards in Malaysia”	138
Jadual 4.4	Indeks Kualiti Air Tanah (IKAT) di Malaysia	139

Senarai Gambar

Gambar 3.1	Bilangan Pemeriksaan Penguatkuasaan, Kompaun Dan Notis Arahan Bagi Tahun 2022	42
Gambar 3.2	Pencapaian Bagi Tahun 2021 Dan 2022	43
Gambar 3.3	Penglibatan Unit PT 2 Sepanjang Tahun 2022	44
Gambar 3.4	Penyiasatan Aduan Pencemaran Sisa Kumbahan	49
Gambar 3.5	Aduan Pencemaran Laut Menyebabkan Ikan Mati Dan Pengambilan Sampel Untuk Analisa Kimia Bagi Membantu Siasatan Aduan Pencemaran Laut.	49
Gambar 3.6	Aduan Pencemaran Udara Disebabkan Oleh Pembakaran Terbuka	50
Gambar 3.7	Siasatan Dipremis Kes Aduan Pelupusan Haram Buangan Terjadual	50
Gambar 3.8	Siasatan Aduan Pelupusan Haram Di Kawasan Perindustrian Krubong, Melaka	51
Gambar 3.9	Bengkel Pelan Tindakan Pembersihan Pantai Di Pulau Pangkor, Perak Yang Dihadiri Oleh EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan & Alam Sekitar Melaka, Agensi-Agensi Kerajaan Negeri Melaka Dan Pihak Industri.	51
Gambar 3.10	“Oil Spill Cleaning Exercise” Oleh Peserta Bengkel	54
Gambar 3.11	Penyerahan Buku Pelan Tindakan Pembersihan Pantai Tahun 2022 Yang Telah Siap Dikemaskini Dan Diserah Kepada Agensi-Agensi Kerajaan Dan Pihak Industri	54

Gambar 3.12	Siasatan Penguatkuasaan Ke Atas Premis Yang Dilesenkan – PYDT (BT)	58
Gambar 3.13	Siasatan Penguatkuasaan Ke Atas Premis Yang Dilesenkan - Kilang Kelapa Sawit	59
Gambar 3.14	Kerja-Kerja Persampelan Kumbahan Pada Sistem Pengolahan Kumbahan IWK	67
Gambar 3.15	Botol Sampel Kumbahan Yang Lengkap Dimeterai	67
Gambar 3.16	Kerja-Kerja Persampelan Kumbahan Sedang Dilakukan – Sistem Pengolahan Kumbahan Mahkota Parade Sdn Bhd	68
Gambar 3.17	Operasi Penguatkuasaan Terhadap Kenderaan Enjin Diesel Bagi Penguatkuasaan Di Bawah PPKAS (Kawalan Pelepasan Enjin Diesel) 1996	70
Gambar 3.18	Operasi Catat Yang Dijalankan Dengan Kaedah Merakam Gambar Secara Visual Bagi Kenderaan Yang Melepaskan Asap Hitam Berlebihan	71
Gambar 3.19	Operasi Penguatkuasaan Terhadap Kenderaan Enjin Petrol Bagi Penguatkuasaan Di Bawah PPKAS (Kawalan Pelepasan Enjin Petrol) 1996	73
Gambar 3.20	Operasi Penguatkuasaan Terhadap Kenderaan Motosikal Bagi Penguatkuasaan Di Bawah PPKAS (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003	74
Gambar 3.21	Operasi Penguatkuasaan Terhadap Kenderaan Motosikal Bagi Penguatkuasaan Di Bawah PPKAS (Bunyi Bising Motosikal) 1987	75

Gambar 3.22	Penguatkuasaan Ke Atas Premis Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) Bagi Pematuhan Pengurusan Terhadap PPKAS (Buangan Terjadual) 2005	77
Gambar 3.23	Penguatkuasaan Ke Atas Premis Yang Mengendalikan Penyaman Udara Bagi Pematuhan Terhadap PPKAS (Pengurusan Refrigeran) 2020	79
Gambar 3.24	Penguatkuasaan Ke Atas Kenderaan Diesel Di Terminal Bas Bagi Pematuhan Di Bawah Peraturan 16, PPKAS (Kawalan Pelepasan Enjin Diesel) 1996	80
Gambar 3.25	Program Pemeriksaan Uji Semula Kenderaan Yang Telah Dikenakan Tindakan Undang-Undang Di PUSPAKOM	82
Gambar 3.26	Audit Pematuhan KYDL (Kemudahan Yang Diluluskan) Dijalankan Di Puspakom, Melaka	83
Gambar 3.27	Penguatkuasaan Ke Atas Stesen Minyak Di Negeri Melaka Bagi Pematuhan Di Bawah PPKAS (Kawalan Kandungan Petrol Dan Diesel) (Pindaan) 2021	84
Gambar 3.28	Operasi Gerak Bersama Agensi Penguatkuasa Iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM) Di Negeri Melaka Dijalankan Mengikut Frekuensi Yang Ditetapkan.	85
Gambar 4.1	Taklimat Dan Penerangan Oleh Perunding Dan Pemaju Bagi Projek EIA Aktiviti Perindustrian	92

Gambar 4.2	Taklimat Serta Penerangan Oleh Perunding Dan Pemaju Bagi Projek EIA Aktiviti Estet Perindustrian	93
Gambar 4.3	Taklimat Dan Penerangan Oleh Perunding Dan Pemaju Bagi Projek EIA Aktiviti Perumahan	93
Gambar 4.4	Aktiviti Penguatkuasaan EIA Di Lapangan Bagi Projek Takungan Pinggiran Sungai (TAPS)	95
Gambar 4.5	Aktiviti Penguatkuasaan EIA Di Lapangan Bagi Projek Perumahan	96
Gambar 4.6	Aktiviti Penguatkuasaan EIA Di Lapangan Bagi Projek Pembangunan Bercampur	96
Gambar 4.7	Aktiviti Penguatkuasaan EIA Di Lapangan Bagi Projek Pemerolehan Kembali Buangan Terjadual	97
Gambar 4.8	Pameran Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia, Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka	104
Gambar 4.9	Pameran Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia, Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka	104
Gambar 4.10	Pameran Kesedaran Di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	105
Gambar 4.11	Pameran Di Honda Malaysia Sdn Bhd	105
Gambar 4.12	Pameran Di UNIKL Micet	106
Gambar 4.13	Ceramah Alam Sekitar Di Honda Malaysia Sdn Bhd	106
Gambar 4.14	Ceramah Alam Sekitar Di Panasonic (Malaysia) Sdn Bhd Cheng	107
Gambar 4.15	Webinar Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar	108

Gambar 4.16	Program Hanya Satu Bumi Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Melaka	110
Gambar 4.17	Program “Hiking Walk for Life” Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Melaka	110
Gambar 4.18	Program Tanam Pokok Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Melaka	111
Gambar 4.19	Program KUDAH Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Melaka	111
Gambar 4.20	Aktiviti “Ice Breaking”	113
Gambar 4.21	Persediaan Sebelum Memulakan Aktiviti “Flying Fox”	113
Gambar 4.22	Taklimat Oleh SWCorp Negeri Melaka	114
Gambar 4.23	Aktiviti Berkumpulan Pengasingan Sisa Di Punca Bersama UTEM	114
Gambar 4.24	Aktiviti KUDAH Di Sungai Kesang	115
Gambar 4.25	Aktiviti KUDAH Di Sungai Kesang	115
Gambar 4.26	Aktiviti Penanaman Pokok Sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia Tahun 2022	116
Gambar 4.27	Penerima Anugerah Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar Kategori Sekolah Menengah	118
Gambar 4.28	Penerima Anugerah Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar Kategori Sekolah Rendah	118
Gambar 4.29	Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2022 Peringkat Negeri Melaka	119
Gambar 4.30	Aktiviti KUDAH Di Tebing Sungai Melaka	120
Gambar 4.31	Aktiviti Pembersihan Di Sungai Melaka	120

Gambar 4.32	Program Pengumpulan “Household e-Waste” Sempena Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2022	122
Gambar 4.33	Program Pengumpulan “Household e-Waste” Sempena Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2022	122
Gambar 4.34	Program Pengumpulan “Household e-Waste” Sempena Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2022	123
Gambar 4.35	Program Pengumpulan “Household e-Waste” Sempena Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2022	123
Gambar 4.36	Program Hijau Bersama Warga Kerja Menara Persekutuan	124
Gambar 4.37	Wawancara Radio Sempena Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2022	125
Gambar 4.38	Sidang Media Bersama EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Alam Sekitar Negeri Melaka	125
Gambar 4.39	Hebahan Larangan Pembakaran Terbuka	126
Gambar 4.40	Lokasi Stesen Pengawasan Air Sungai Automatik Di Negeri Melaka	132
Gambar 4.41	Stesen Pengawasan Air Marin CM02M Di Pulau Undan, Melaka	134
Gambar 4.42	Aktiviti Persampelan Kualiti Air Bawah Tanah Di Stesen Air Bawah Tanah, Loji Penapisan Petronas Sungai Udang	140
Gambar 4.43	Aktiviti Persampelan Kualiti Air Bawah Tanah Di Stesen Pusat Kecemerlangan Bahan Berbahaya, Taboh Naning, Alor Gajah	140
Gambar 4.44	Stesen Pengawasan Kualiti Udara Automatik, Sekolah Menengah Tinggi Melaka	143

Gambar 4.45	Stesen Pengawasan Kualiti Udara Automatik, Sekolah Menengah Bukit Rambai	143
Gambar 4.46	Stesen Pengawasan Kualiti Udara Automatik, Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Pengkalan	143

Senarai Rajah

Rajah 1.1	Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka 2022	35
Rajah 4.1	Pematuhan Penguatkuasaan Tahun 2022	94
Rajah 4.2	Peratusan Pematuhan Penguatkuasaan Ke Atas Premis EIA Tahun 2022	95
Rajah 4.3	Lokasi Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin Daerah Melaka Tengah	135
Rajah 4.4	Lokasi Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin Daerah Jasin	136
Rajah 4.5	Lokasi Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin Daerah Alor Gajah	136
Rajah 4.6	Petunjuk Indeks Pencemaran Udara (IPU)	141

Senarai Graf

Graf 3.1	Aduan Yang Diterima Oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka Mengikut Jenis Pada Tahun 2022	46
Graf 3.2	Aduan Pencemaran Alam Sekitar Yang Diterima Mengikut Daerah Pada Tahun 2022	47
Graf 3.3	Bilangan PYDT Yang Dilesenkan Di Bawah Seksyen 18(1), AKAS 1974 Bagi Tahun 2022	55
Graf 3.4	Bil. Pemeriksaan Sistem Pengolahan Kumbahan Bagi Tahun 2022	61
Graf 3.5	Bil. Tindakan Susulan Penguatkuasaan Sistem Pengolahan Kumbahan Bagi Tahun 2022	62
Graf 3.6	Bilangan Tindakan Mahkamah Bagi Tahun 2022	66
Graf 4.1	Bilangan Permohonan Input Pembangunan Yang Diterima Dan Diulas Mengikut Daerah Bagi Tahun 2022	89
Graf 4.2	Bilangan Permohonan Input Pembangunan Yang Diterima Dan Diulas Mengikut Bulan Bagi Tahun 2022	89
Graf 4.3	Bilangan Permohonan EIA Yang Diterima Tahun 2013 Hingga Tahun 2022	91
Graf 4.4	Penerimaan Laporan EIA Mengikut Aktiviti Tahun 2022	92
Graf 4.5	Pemberitahuan Bertulis Bagi Alat Pembakaran Bahan Api (APB), Alat Kawalan Pencemaran Udara (AKPU), Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian (SPEP) Dan Kumbahan Bagi Tahun 2017 Hingga 2022	99

Graf 4.6	Jumlah Lain – Lain Permohonan Bagi Tahun 2022	100
Graf 4.7	Aktiviti Pameran Alam Sekitar Bagi Tahun 2017-2022	103
Graf 4.8	Aktiviti Ceramah Alam Sekitar Bagi Tahun 2017-2022	103
Graf 4.9	Bilangan Ahli RAS Mengikut Tahun 2017 - 2022	128



©Hak Cipta

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA 2022. Laporan ini boleh diterbitkan semula secara keseluruhan atau sebagainya, bagi tujuan pembelajaran atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hakcipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka. Terbitan ini **TIDAK BOLEH** diterbitkan untuk tujuan dijual atau apa-apa tujuan perniagaan tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka.



Aras 19, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya,
75450 Ayer Keroh,
Melaka

TEL: 06-2345720

FAKS: 06-234521

Dari Meja Pengarah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izinnya, Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka (JAS Melaka) bagi Tahun 2022 dapat diterbitkan. Laporan Tahunan 2022 ini menggambarkan keseluruhan gerak kerja yang merangkumi pencapaian dan pelaksanaan program pada tahun 2022. JAS Melaka akan terus melaksanakan mandat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Pada tahun 2022, JAS Melaka telah mengambil pendekatan dengan meneruskan pelaksanaan *Guided - Self Regulations* (GSR) sebagai pelengkap bagi kaedah Command and Control (CAC) sedia ada. JAS Melaka juga memperkukuhkan penguatkuasaan keperluan Orang Yang Berwibawa (competent person) mengikut sektor supaya pihak industri dan premis mengambil tanggungjawab serius terhadap aspek pengurusan alam sekitar.

Perancangan pembangunan industri dengan menggunakan garis panduan - garis panduan yang diterapkan sebagai salah satu asas utama dalam usaha memberikan input pembangunan bagi perancangan sektor yang dirujuk ke Jabatan Alam Sekitar.

JAS Melaka turut meneruskan penganjuran pelbagai aktiviti dan program bertemakan alam sekitar seperti Hari Alam Sekitar Negara (HASN), Hari Bumi, Hari Alam Sekitar Sedunia, pameran, ceramah dan pelbagai aktiviti lain dalam usaha membangunkan masyarakat yang prihatin terhadap alam sekitar.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Melaka, agensi persekutuan dan negeri, pihak industri dan swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan individu-individu yang telah memberikan kerjasama, sokongan dan komitmen kepada JAS Melaka dalam melaksanakan tanggungjawab untuk melestarikan alam sekitar di Negeri Melaka. Ucapan khusus kepada pasukan saya di Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka di ketiga-tiga bahagian (Operasi, Pentadbiran dan Pembangunan).

Sekian, terima kasih.

ROS LI BIN MUSTAFA

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Melaka



BAB 1

PENGENALAN

1. PENGENALAN

Jabatan ini bertanggungjawab memastikan pembangunan lestari dalam proses kemajuan Negara dan memastikan alam sekitar sentiasa bersih, sihat dan selamat untuk kesejahteraan rakyat. Jabatan Alam Sekitar juga berperanan sebagai penyebar maklumat, mewujudkan kemahiran dan idea-idea bernas bagi pembangunan minda masyarakat kearah kesedaran penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar secara berterusan. Ini termasuklah menggalakkan konsep pematuhan sendiri oleh pihak industri dan orang awam.

Pendekatan dan strategi pengurusan alam sekitar sentiasa diubahsuai dan ditambahbaik seiring dengan perkembangan pesat dalam aspek teknologi, perundangan dan “Information and Communications Technology (ICT)” serta isu alam sekitar semasa sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

1.1 DASAR ALAM SEKITAR NEGARA (DASN)

Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) telah diwujudkan untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari. Tujuan DASN adalah untuk mencapai; (1) Alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif bagi generasi masa kini dan masa hadapan. (2) Pemuliharaan kebudayaan dan warisan semulajadi yang unik dan pelbagai dengan penyertaan secara berkesan oleh semua lapisan masyarakat dan (3) Cara hidup, pola penggunaan dan pengeluaran yang lestari.

Terdapat 8 prinsip dibawah DASN untuk mengharmonikan matlamat pembangunan ekonomi dengan mengambilkira kepentingan alam sekitar iaitu:

1. Pengawasan Alam Sekitar;
2. Pemuliharaan Ketahanan dan Kepelbagaian Alam;
3. Peningkatan Berterusan Kualiti Alam Sekitar;
4. Penggunaan Mapan Sumber-Sumber Asli;
5. Membuat Keputusan Bersepadu;
6. Peranan Sektor Swasta;
7. Komitmen dan Kebertanggungjawaban; dan
8. Penyertaan Aktif Oleh Masyarakat Antarabangsa

DASN bertujuan mengintegrasikan pertimbangan alam sekitar ke dalam aktiviti pembangunan dan proses membuat keputusan yang berkaitan, memupuk pertumbuhan ekonomi serta kemajuan manusia jangka panjang dan untuk melindungi dan memperbaiki alam sekitar. Ia melengkap dan menambah dimensi alam sekitar yang terkandung dalam dasar kebangsaan yang lain, seperti dasar perhutanan dan perindustrian dan mengambil kira konvensyen antarabangsa mengenai kepentingan sejagat.

1.2 VISI DAN MISI JABATAN ALAM SEKITAR

Visi

Pemuliharaan alam sekitar untuk kesejahteraan rakyat.


Misi

Memastikan pembangunan lestari di dalam proses memajukan negara.

1.3 JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air dan diselia oleh Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat, Putrajaya. Jabatan ini mempunyai 3 bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Operasi dan Bahagian Pembangunan. Terdapat Jabatan Alam Sekitar Cawangan Taboh Naning yang juga di bawah seliaan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka terletak di Aras 19, Menara Persekutuan Bandar MITC, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh Melaka. Jabatan ini bertanggungjawab dalam memastikan misi dan visi Jabatan Alam Sekitar dicapai di Negeri Melaka.



BAB 2
BAHAGIAN
PENTADBIRAN
&
KEWANGAN

2. BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan berperanan dalam melaksanakan tanggungjawab dalam menguruskan hal-hal berkaitan pengurusan pejabat. Ia terdiri daripada 4 unit iaitu Pentadbiran, Sumber Manusia, Kewangan dan Teknologi Maklumat.

2.1. UNIT PENTADBIRAN

Unit Pentadbiran berperanan dalam menyediakan perkhidmatan sokongan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka meliputi perkara seperti berikut:

- Memberi perkhidmatan pengurusan sistem fail berperingkat, surat menyurat dan pekeliling perkhidmatan;
- Mengurus dan memantau hal-hal kebersihan pejabat dan pemantauan keselamatan pejabat serta pas keselamatan pejabat;
- Pengurusan kenderaan dan pemandu;
- Menguruskan permohonan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer;
- Menguruskan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat;
- Mengendalikan Sistem Pengurusan Aset (SPA), stor, inventori, pelupusan dan hapus kira; dan
- Menguruskan perhimpunan dan majlis keramaian pejabat.

2.1.1. Perhimpunan Bulanan

Perhimpunan Bulanan diadakan sebagai salah satu platform kepada seluruh warga Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka untuk memberi hebahan maklumat termasuk pengenalan pegawai dan kakitangan baharu, kenaikan pangkat, pertukaran di samping penjelasan dasar, peraturan dan prosedur terkini. Pada tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah mengadakan Perhimpunan Bulanan secara fizikal sebanyak 2 kali setahun iaitu pada 4.3.2022 dan 2.9.2022.

2.1.2. Pertukaran / Persaraan

Seramai 8 orang Pegawai JAS Melaka telah bertukar keluar melalui kenaikan pangkat atau melalui permohonan sendiri. JAS Melaka juga menerima 12 orang pegawai baharu yang bertukar masuk dari JAS sendiri dan juga jabatan luar. Pegawai - pegawai berkenaan adalah seperti berikut:

Pertukaran Keluar:

Bil	Tarikh	Pegawai	Tempat Bertukar
1	01.09.2022	Rosli bin Osman	JAS Ibu Pejabat
2	16.02.2022	Asmahani binti Ab Manan	JAS Pahang
3	24.02.2022	Norhidayah binti Mohd Jamil	BOMBA Bukit Katil
4	22.08.2022	Rozita binti Zainal Abidin	KKR
5	15.08.2022	Noor Azizah binti Ismail	JAS Taiping
6	14.03.2022	Suzamzarina binti Sulong	JKR Melaka
7	20.09.2022	Mohd Nawir bin Ahmad	JKR Melaka
8	01.08.2022	Mohd Rahmad bin Abdul Wahab	JKR Jasin

Pertukaran Masuk:

Bil	Tarikh	Pegawai	Bertukar Masuk Dari
1	01.09.2022	Rosli bin Mustafa	JAS Ibu Pejabat
2	16.05.2022	Nor Azlee bin Kasmin	JAS Kedah
3	15.08.2022	Azurah binti Abdul Gapor	JAS Johor
4	03.01.2022	Muhammad Faiz bin Mohd Shafie	JAS Johor
5	03.01.2022	Farahnurhazrin binti Zainal	JAS Johor
6	03.01.2022	Mohd Fauzi bin Samad	JAS Johor
7	22.08.2022	Ida Asnira binti Ramly	JPM Putrajaya
8	03.01.2022	Norhayati binti Mohd Raub	JAS Johor
9	01.08.2022	Mohd Pauzan bin Mohd Pauzi	JKR Jasin
10	20.09.2022	Mohd Shafiq bin Abdul Karim	Kolej Matrikulasi Melaka
11	24.02.2022	Muhammad Shakil bin Mohamad	JBPM Negeri Melaka
12	14.03.2022	Mohamad Shariff bin Ayob	JKR Melaka

2.1.3. Pengurusan Dokumen / Fail

Sebanyak 74 buah fail telah dilupuskan dengan surat kelulusan dari Jabatan Arkib Negara yang bertarikh 22 November 2022. Pelupusan fail dilaksanakan melalui kaedah rincih dan pelupusan di kilang kertas.

2.1.4. Pengurusan Aset Dan Stor

2.1.4.1. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (Fasiliti) telah diadakan mengikut ketetapan 4 kali setahun.

Bil	Suku tahun pertama	Suku tahun ke 2	Suku tahun ke 3	Suku tahun ke 4
1	25.4.2022	14.7.2022	10.11.2022	7.2.2023

2.1.4.2. Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih, Aset Tak Alih dan Stor

BIL	NAMA PEGAWAI	JAWATAN DILANTIK
1	Janizan bin Abu Kassim	Pegawai Aset
2	Nurul Hida binti Hasnan	Pegawai Teknikal Fasiliti (PTF)
3	Rohaiza binti Ab. Aziz	Pegawai Operasi Fasiliti (POF)
4	Mohamad Shariff bin Ayob	Pegawai Daftar Fasiliti (PDF)
5	Siti Azzura binti Dolmat	Penyelaras Aset
6	Mohd Asri bin Ismail	Penyelaras Aset ICT & Penyelaras Stor ICT

BIL	NAMA PEGAWAI	JAWATAN DILANTIK
7	Mohd Nurkhasyiruz bin Norasid	Penyelaras Aset Teknikal
8	Lizawati binti Abd Hamid	Urusetia Aset Alih
9	Nor Ashikin binti Yaacob	Urusetia Aset Fasiliti
10	Muhammad Shakil bin Mohamad	Urusetia Aset Alih & Aset Fasiliti (Cawangan Taboh Naning)
11	Siti Azzura binti Dolmat	Pegawai Pelulus Stor
12	Lizawati binti Abd Hamid	Pegawai Stor Pentadbiran
13	Norhayati binti Mohamad Raub	Penyelaras Stor Teknikal

2.1.4.3. Pegawai Pemeriksa Aset dan Stor

BIL	NAMA PEGAWAI	JAWATAN DILANTIK
1	Shahrul Huda binti Mohd Rodzi	Pegawai Pemeriksa Aset
2	Noorfazilah binti Nordin	

BIL	NAMA PEGAWAI	JAWATAN DILANTIK
3	Suhailah binti Mukhatar	Pegawai Pemeriksa Aset Alih
4	Afiratul Abidah binti Abd Gani	
5	Nurul Hida binti Hasnan	Lembaga Pemeriksa Pelupusan
6	Mohd Hafiz bin Mansor @ Ali	
7	Elbyta Rozana binti Mohd Hatta	Pegawai Pemverifikasi Stor (Stor Pentadbiran)
8	Nurul Hanan binti Jaafar	Pegawai Pemverifikasi Stor (Stor Pentadbiran)
9	Azmi bin Kisson	Pegawai Pemverifikasi Stor (Stor ICT)
10	Muhammad Faiz bin Mohd Shafie	Pegawai Pemverifikasi Stor (Stor ICT)
11	Mohd Azry Hanif bin Kamar	Pegawai Pemverifikasi Stor (Stor Teknikal)
12	Azeni binti Abd Rahman	Pegawai Pemverifikasi Stor (Stor Teknikal)

2.1.5. Pengurusan Kenderaan

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka mempunyai kenderaan jabatan yang terdiri daripada 10 buah kereta, 2 buah motosikal dan sebuah kenderaan SPANCO. Berikut adalah senarai pegawai yang ditugaskan membawa kenderaan jabatan dan bertanggungjawab dalam pengurusan kenderaan:

2.1.5.1. Pemandu Kenderaan

BIL	NAMA PEGAWAI	JENIS KENDERAAN / NO. PENDAFTARAN
1	Ahmad Afiq Azraei Bin Azahari	VJQ 9459 (Persona)
2	Mohamad Nordin Bin Tan	VJV 9203 (Hilux)
3	Aminnur Ikhwan Bin A. Rahman	WGB 6744 (Pajero)
4	Sazaly Bin Mohd Amir	WJN 6497 (Pajero)
5	Mohamad Shariff Bin Ayob	WNP 721 (X-Trail)
6	Mohd Noor Hakim Bin Ibrahim	WPM 1028 (X-Trail)
7	Hazwan Afif Bin Mustamam	WQL 4787 (Fortuner)
8	Mohd Khairul Fahmi bin Roslan	WSQ 5342 (Avanza)
9	Nurul Hanan Binti Jaafar	VDW 2767 (D-Max)
10	Muhammad Faiz Bin Mohd Shafie	VFP 9413 (D-Max)
11	Muhammad Hafizam Bin Nordin	WXT 3647 (HILUX)
12	Mohd Syukri Bin Hamzah	MAT 4097 (Motosikal Kriss)
13	Mohd Rifaie Bin Murtadza	MAT 4099 (Motosikal Kriss)

2.1.5.2. Pegawai Kenderaan / Pegawai Penyelia

BIL.	NAMA PEGAWAI	JAWATAN DILANTIK
1.	Siti Azzura binti Dolmat	Pegawai Kenderaan
2.	Afiratul Abidah binti Abd Gani	Penolong Pegawai Kenderaan
3.	TP Janizan bin Abu Kassim	Pegawai Pelulus Bulanan Buku Log Kenderaan
4.	PKK Nurul Hida binti Hasnan	
5.	PKK Elbyta Rozana binti Mohd Hatta	
6.	PK Mohd Azry Hanif bin Kamar	
7.	PK Asmahani Binti Ab Manan	
8.	PKK Siti Shamsinar binti Annuar	
9.	PPKK Rohaiza Binti Ab. Aziz	

2.2. SEKSYEN SUMBER MANUSIA

Tugasan - tugasan yang dilaksanakan oleh Seksyen Sumber Manusia adalah seperti berikut:

- Memastikan semua urusan perjawatan dilaksanakan secara betul mengikut Waran Perjawatan daripada Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka;
- Memantau kekosongan jawatan disebabkan oleh kenaikan pangkat dan persaraan pegawai-pegawai;
- Memastikan semua data asas di dalam Sistem HRMIS sentiasa dikemaskini;
- Memproses urusan menyandang dan memutus sandang pegawai baru yang bertukar atau naik pangkat dalam masa 1 hari dari surat penempatan atau pertukaran yang diterima;
- Menghantar urusan pertukaran pegawai dalam tempoh 1 minggu selepas menerima surat dari Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka;
- Menguruskan penyelarasan gaji/Penyata Perubahan (Kew. 8) dalam tempoh menerima arahan perubahan emolument/pendapatan dan menghantar kepada Seksyen Kewangan;
- Memastikan sebarang perubahan pada buku-buku perkhidmatan pegawai sentiasa dikemaskini;
- Pengesahan lantikan, pengesahan dalam jawatan dan pemberian taraf berpencen serta pelanjutan tempoh percubaan;
- Persaraan dan pencen pilihan;
- Urusan cuti;
- Pelepasan/meletakkan jawatan;
- Urusan permohonan pengecualian mengikut kursus induksi dan peperiksaan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan;

- Permohonan menghadiri dan menganjurkan latihan seperti kursus, bengkel atau seminar;
- Memantau dan memastikan setiap anggota mengikuti program latihan (kursus / bengkel / seminar) sekurang-kurangnya 7 hari dalam setahun;
- Memproses permohonan kelulusan penangguhan kerja; dan
- Menguruskan borang tapisan keselamatan untuk dikemukakan ke Pejabat Keselamatan Jabatan Perdana Menteri.

2.2.1. Data Perjawatan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka mempunyai waran perjawatan yang telah diluluskan iaitu sebanyak **56** perjawatan. Berikut adalah jadual data perjawatan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka sehingga 31 Disember 2022.

BIL.	JAWATAN	GRED	BILANGAN JAWATAN	PENGISIAN JAWATAN	KEKOSONGAN
1.	Pengarah	C54	1	1	
2.	Ketua Penolong Pengarah	C48	2	2	
3.	Pegawai Kawalan	C44	1	1	
4.	Pegawai Kawalan	C41	5	5	
5.	Pen. Pegawai Kawalan Tinggi	C38	2	2	
6.	Pen. Pegawai Kawalan Kanan	C32	4	4	

7.	Pen. Pegawai Tadbir Kanan	N32	1	1	
8.	Pen. Pegawai Teknologi Maklumat	FA29	1	1	
9.	Pen. Pegawai Kawalan	C29	8	8	
10.	Setiausaha Pejabat	N29	1	1	
11.	Penolong Jurutera	JA29	13	13	
12.	Penolong Jurutera (JSPS)	JA29			
13.	Pembantu Tadbir	N19	5	5	
14.	Pembantu Akauntan	W29	2	2	
15.	Pemandu	H11	3	3	
16.	Pembantu Operasi	N11	1	1	
JUMLAH BESAR			50	50	-

2.2.2. Pencapaian Kursus Bagi Tahun 2022

Bil	Kumpulan	Bil. Jawatan	Bil. Isi	Pencapaian Kursus		
				>7 Hari	<7 Hari	Tidak Hadir Berkursus
1	Pengurusan & Profesional (Gred 41-54)	9	9	9	0	0
2	Sokongan 1 (Gred 17-40)	43	43	43	0	0
3	Sokongan 2 (Gred 1-16)	4	3	3	0	0
JUMLAH		56	55	55	0	0

2.2.3. Sistem Latihan Bersepadu

Pencapaian Sistem Latihan Bersepadu telah direkodkan sehingga 31 Disember 2022. Rekod kehadiran bagi Kursus Kakitangan ialah sebanyak 100%.

2.2.4. Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)

Rekod peratusan pencapaian Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) bagi pengisian maklumat-maklumat asas HRMIS ialah sehingga 31 Disember 2022. Rekod Peribadi: 100%, Profil Perkhidmatan: 100%, dan Perisytiharan Harta: 100%.

2.2.5. Sistem Kehadiran Pejabat (DTA)

Pencapaian Sistem Kehadiran Pejabat (DTA) telah direkodkan sehingga 31 Disember 2022. Rekod penggunaan sistem adalah sebanyak 100%.

2.3. SEKSYEN KEWANGAN

2.3.1. Peruntukan Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

Pada tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menerima peruntukan sebanyak RM 3,777,698.49 dan telah dibelanjakan sebanyak RM 3,842,498.49. Lebihan peruntukan di bawah OS10000 bagi bayaran Emolumen.

Perkara	Belanja Mengurus	Belanja Pembangunan
	(RM)	(RM)
Peruntukan Kemaskini	3,777,698.49	137,043.20
Perbelanjaan Kemaskini	3,842,498.49	131,454.04
Peratus Perbelanjaan	101.72 %	95.92 %
BAKI PERUNTUKKAN	(64,800.00)	5,589.16

2.3.2. Hasil

Kutipan hasil pada tahun 2022 mengikut pecahan seperti:

Kod Objek	Perihal Kod	Jumlah (RM)
H0273301	Jualan Harta Benda Kerajaan	20
H0171408	Lesen Pencemaran Alam Sekitar	62,836.50
H0176199	Pelbagai bayaran hukuman	429,080
JUMLAH KESELURUHAN		491,936.50

2.3.3. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)

Bil	Suku tahun pertama	Suku tahun ke 2	Suku tahun ke 3	Suku tahun ke 4
1	25.4.2022	14.7.2022	10.11.2022	07.2.2023

2.4. SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT

2.4.1. Aduan Kerosakan ICT


Seksyen Teknologi Maklumat sentiasa berusaha untuk memastikan segala kemudahan dan kelengkapan ICT dalam keadaan yang baik. Hal ini dititikberatkan agar dapat memastikan urusan pentadbiran sentiasa berjalan dengan lancar. Aduan kerosakan ICT yang diterima telah diambil tindakan segera dalam tempoh kurang dari 8 jam. Pada tahun 2022, sebanyak 42 aduan kerosakan ICT diterima. Aduan - aduan tersebut juga telah berjaya diatasi dengan baik dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

2.4.2. Perolehan Peralatan ICT

Perolehan peralatan ICT telah dilaksanakan sebanyak 11 unit yang melibatkan pencetak, pengimbas dan lain-lain.

2.4.2.1. Pelupusan Peralatan ICT

Tiada pelupusan peralatan ICT yang dilakukan pada tahun 2022. Walaubagaimana pun terdapat sebanyak 12 aset ICT yang telah dikenalpasti bagi pelupusan pada tahun 2023.

The background of the page is a watercolor-style illustration of green leaves and foliage. The colors range from light, pale greens to darker, more saturated greens, creating a soft, naturalistic feel. The leaves are scattered across the page, with some appearing more prominent than others.

BAB 3

BAHAGIAN

OPERASI

3. BAHAGIAN OPERASI

Bahagian Operasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka berfungsi dalam menjalankan penguatkuasaan sama ada ke atas Punca Tetap atau Punca Bergerak (Kenderaan Bermotor). Dalam masa yang sama, bahagian ini juga menjalankan siasatan aduan bagi memastikan pematuhan semua punca-punca pencemaran tersebut terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) serta Peraturan - Peraturan di bawahnya.

Punca-punca pencemaran dan kesalahan yang dipantau oleh Bahagian Operasi adalah terdiri daripada:

- i. Pelepasan efluen perindustrian dan efluen bercampur daripada premis perindustrian;
- ii. Pelepasan kumbahan daripada premis yang melepaskan kumbahan melebihi piawai yang ditetapkan;
- iii. Pelepasan larut resapan daripada stesen pemindahan sisa pepejal dan kambus tanah melebihi piawai yang ditetapkan;
- iv. Pelepasan bendasing udara samada melalui cerobong melebihi piawai yang ditetapkan atau melakukan pembakaran terbuka tanpa kebenaran;
- v. Tiada alat kawalan pencemaran udara, tiada alat kawalan pencemaran air dan tiada alat kawalan pencemaran bunyi bising; dan
- vi. Pemantauan ambien alam sekitar tidak dijalankan (jika disyaratkan atau diarahkan melalui Notis) dan lain-lain pencemaran seperti ditakrifkan di dalam AKAS 1974.


3.1. PEMERIKSAAN PREMIS DI BAWAH SELIAAN UNIT PUNCA TETAP 2 (PT2) BAGI TAHUN 2022

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 243 pemeriksaan penguatkuasaan di bawah seliaan Unit PT2 telah dijalankan di Negeri Melaka yang melibatkan penguatkuasaan ke atas premis seperti kuari, tapak pelupusan sampah, kilang-kilang dalam Daerah Melaka Tengah dan juga Industri Kecil Sederhana (IKS).

Dari keseluruhan lawatan penguatkuasaan yang telah dijalankan, sebanyak 160 siasatan dijalankan secara pemeriksaan lapangan (FI), manakala sebanyak 83 siasatan telah dijalankan secara “Desktop Enforcement (DE)”.



Gambar 3.1: Bilangan pemeriksaan penguatkuasaan, kompaun dan notis arahan bagi tahun 2022



Gambar 3.2: Pencapaian bagi tahun 2021 dan 2022

Bagi pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan - Peraturan di bawahnya, sebanyak 111 kompaun telah dikeluarkan, kebanyakan kompaun dikeluarkan adalah berkaitan dengan pelanggaran terhadap Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

Sebanyak 51 Notis Arahan juga telah dikeluarkan dalam tahun 2022 yang melibatkan Seksyen 31 dan Seksyen 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, bagi mengarahkan pihak premis untuk melakukan pembaikan dan mengambil langkah bagi mengurangkan pencemaran.

Sebanyak 9 kertas siasatan telah dibuka bagi tahun 2022 di mana 7 kertas siasatan adalah bagi mendapatkan izin mengkompaun, dan 2 kertas siasatan berkaitan pelanggaran di bawah Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dan Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.



Gambar 3.3: Penglibatan Unit PT 2 sepanjang tahun 2022.


3.2. ADUAN DAN PREMIS YANG DITETAPKAN

3.2.1. Aduan Pencemaran Alam Sekitar

Sepanjang tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menerima sebanyak 398 aduan mengenai pencemaran alam sekitar. Kesemua aduan yang diterima telah disiasat dan diambil tindakan. Daripada 398 aduan yang diterima, didapati **276 (69.3%)** adalah tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan **47 (11.8%)** aduan adalah di luar bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar. Jenis aduan dengan peratusan paling tinggi diterima adalah aduan berkaitan pencemaran udara iaitu sebanyak **310 aduan (77.7%)**, diikuti aduan pencemaran air sebanyak **18 aduan (4.5%)**. Aduan - aduan lain seperti aduan buangan terjadual sebanyak **7 aduan (1.8%)**, bunyi bising **14 aduan (3.5%)**, tumpahan minyak sebanyak **9 aduan (2.3%)**, aduan pencemaran tanah sebanyak **2 aduan (0.5%)** dan lain-lain aduan sebanyak **38 aduan (9.5%)**.

Aduan - aduan mengenai pencemaran alam sekitar yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka adalah melalui pelbagai saluran samada melalui telefon, emel, surat, berurusan dengan pejabat ataupun melalui laporan akhbar. Semua aduan yang diterima telah disiasat dalam tempoh piagam pelanggan yang ditetapkan.

PERATUSAN ADUAN JAS MELAKA MENGIKUT JENIS PENCEMARAN TAHUN 2022



Graf 3.1: Aduan yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka mengikut jenis tahun 2022 .

3.2.2. Pecahan Aduan Mengikut Daerah 2022

Berdasarkan **Graf 3.2**, Melaka Tengah didapati mempunyai pecahan aduan yang paling tinggi iaitu sebanyak **311** aduan (**77.9 %**), diikuti oleh Alor Gajah iaitu **52** aduan (**13 %**) dan Jasin sebanyak **36** aduan (**9 %**) kes.



Graf 3.2 : Aduan pencemaran alam sekitar yang diterima mengikut daerah, 2022 .

3.2.3. Aduan Mengenai Pembakaran Terbuka

Sepanjang tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menerima sebanyak **399** aduan mengenai pembakaran terbuka daripada ketiga-tiga daerah. Sebanyak 311 aduan diterima daripada Melaka Tengah, 52 aduan daripada Alor Gajah dan 36 aduan daripada Jasin. Di samping aduan mengenai pembakaran terbuka, pihak Jabatan Alam Sekitar juga melalui satelite NOAA, telah mengesan sebanyak **9 titik panas** (*hotspot*) yang berlaku dalam negeri Melaka sepanjang tahun 2022.

Sebagai langkah untuk mencegah aktiviti pembakaran terbuka pada tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah melaksanakan sebanyak 320 operasi rondaan darat di kawasan - kawasan yang dikenalpasti berpotensi berlakunya kebakaran. Ini juga merupakan langkah pencegahan bagi mengelakkan kejadian jerebu yang berpunca dari sumber tempatan.

3.2.4. Permohonan Pembakaran Terbuka

Sepanjang tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menerima sebanyak 21 permohonan untuk melakukan pembakaran terbuka. Daripada jumlah tersebut, 2 permohonan telah ditolak oleh pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka. Hal ini adalah kerana, pembakaran terbuka yang dipohon adalah pembakaran yang bukan dikategorikan sebagai Aktiviti Yang Diisytiharkan, iaitu pembakaran yang menyebabkan aduan dan lokasi pembakaran tidak sesuai (berhampiran stesyen minyak dan bersebelahan lebuh raya).



Gambar 3.4: Penyiasatan aduan pencemaran sisa kumbahan.



Gambar 3.5: Aduan pencemaran laut menyebabkan ikan mati dan pengambilan sampel untuk analisa kimia bagi membantu siasatan aduan pencemaran laut.



Gambar 3.6: Aduan pencemaran udara disebabkan oleh pembakaran terbuka.



Gambar 3.7: Siasatan dipremis kes aduan pelupusan haram buangan terjadual.



Gambar 3.8: Siasatan aduan pelupusan haram di kawasan perindustrian Krubong, Melaka.



Gambar 3.9: Bengkel Pelan Tindakan Pembersihan Pantai di Pulau Pangkor, Perak yang dihadiri oleh EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan & Alam Sekitar Melaka, agensi-agensi kerajaan Melaka dan pihak industri.







Gambar 3.10: "Oil spill cleaning exercise" oleh peserta bengkel .




Gambar 3.11: Penyerahan buku Pelan Tindakan Pembersihan Pantai 2022 yang telah siap dikemaskini dan diserahkan kepada agensi-agensi kerajaan dan pihak industri .

3.2.5. Premis Yang Ditetapkan (PYDT)

Premis Yang Ditetapkan (PYDT) merupakan premis yang dilesenkan di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974. Premis ini terdiri daripada Kilang Kelapa Sawit Mentah (KKS), Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak, Kemudahan Pemerolehan Kembali Separa “e-Waste” bagi Buangan Terjadual (BT) dan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual.

Bagi tujuan kawalan pencemaran ke atas PYDT, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah melaksanakan penguatkuasaan mengikut program yang dirancang bagi mencapai Petunjuk Utama Prestasi (KPI) Ketua Pengarah Alam Sekitar yang telah ditetapkan iaitu, pematuhan sebanyak **100%** bagi premis **Buangan Terjadual dan Kilang Kelapa Sawit**.

Pada tahun 2022 sebanyak **27 premis** telah dilesenkan di bawah Seksyen **18(1) AKAS 1974** masing-masing mengikut pecahan seperti **Graf 3.3**:



Graf 3.3: Bilangan PYDT Yang Dilesenkan Di Bawah Seksyen 18(1), AKAS 1974 bagi tahun 2022 .

Sepanjang tahun 2022, sebanyak **74** pemeriksaan lapangan dan **24** pemeriksaan dekstop terhadap PYDT (BT) telah dijalankan manakala, bagi kilang kelapa sawit, sebanyak **12** pemeriksaan lapangan dan **2** pemeriksaan dekstop telah dijalankan terhadap **27** PYDT yang dilesenkan di bawah Seksyen 18(1), AKAS 1974. Daripada jumlah tersebut, didapati bahawa pematuhan bagi kedua - dua kilang PYDT(BT) dan kelapa sawit adalah sebanyak **100%**.

Berdasarkan siasatan penguatkuasaan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2022, sebanyak **5** Notis Arahan di bawah AKAS, 1974 telah dikeluarkan kepada premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka kerana kegagalan mematuhi syarat - syarat lesen yang ditetapkan, sebanyak **10 tawaran kompaun** dikeluarkan di atas kesalahan Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan tiada tindakan mahkamah yang telah diambil bagi premis yang gagal mematuhi Peraturan – Peraturan dibawah AKAS 1974.

BIL	JENIS PREMIS	BIL. PREMIS YANG DILESENKAN	BIL. PREMIS YANG DIPERIKSA	BIL. PENGUATKUASAAN	TINDAKAN PENGUATKUASAAN		
					NOTIS ARAHAN	KOMPAUN	TINDAKAN MAHKAMAH
1	KILANG KELAPA SAWIT	3	3	12 - LAPANGAN 2 - DEKSTOP	1	0	0
2	PREMIS BUANGAN TERJADUAL	24	24	74 - LAPANGAN 24 - DESKTOP	4	10	0

Jadual 3.1 : Status pematuhan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) tahun 2022

3.2.6. Pengurusan Buangan Terjadual

3.2.6.1 Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Bagi Buangan Terjadual

Sepanjang tahun 2022, sebanyak **24 premis** bagi kemudahan pemerolehan kembali luar tapak buangan terjadual telah dilesenkan di bawah Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 3.2**:

BIL.	JENIS KEMUDAHAN	BIL. PREMIS
1.	Kemudahan pemerolehan kembali luar tapak	14
2.	Teknologi Microwave	1
3.	Kemudahan pemerolehan separa luar tapak (“e-Waste”)	8
4.	Penstoran Luar Tapak	1

Jadual 3.2: Jenis dan bilangan kemudahan pemerolehan kembali luar tapak buangan terjadual yang dilesenkan di bawah Seksyen 18(1), AKAS 1974.



Gambar 3.12: Siasatan penguatkuasaan ke atas premis yang dilesenkan – PYDT (BT).




Gambar 3.13: Siasatan penguatkuasaan ke atas premis yang dilesenkan - Kilang Kelapa Sawit.

3.3. PEMERIKSAAN PREMIS DI BAWAH SELIAAN UNIT PUNCA TETAP 4 (PT4)

3.3.1. Pemeriksaan Loji Pengolahan Kumbahan Tahun 2022


Sepanjang tahun 2022, sebanyak 199 pemeriksaan ke atas sistem pengolahan kumbahan telah dijalankan di Negeri Melaka. Sebanyak 150 pemeriksaan yang telah dijalankan merupakan bagi sistem pengolahan kumbahan yang dikendali dan diselenggara oleh Indah Water Konsortium (IWK) manakala 49 pemeriksaan pula ke atas sistem pengolahan kumbahan milik persendirian.

Dari penguatkuasaan yang dijalankan terhadap sistem pengolahan kumbahan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK), didapati bahawa pematuhan yang dilaksanakan adalah sebanyak **94%** manakala bagi sistem pengolahan kumbahan persendirian, didapati pematuhan adalah sebanyak **76%**. Pematuhan keseluruhan bagi kedua - dua sistem pengolahan kumbahan adalah sebanyak **89%**.



Graf 3.4: Bil. pemeriksaan sistem pengolahan kumbahan bagi tahun 2022

Daripada pemeriksaan yang telah dijalankan terhadap 199 sistem pengolahan kumbahan di Negeri Melaka, sebanyak 199 arahan lapangan, 21 notis arahan dan 23 tawaran kompaun telah dikeluarkan bagi sistem pengolahan kumbahan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.



Graf 3.5: Bil. tindakan susulan penguatkuasaan sistem pengolahan kumbahan bagi tahun 2022

Selain itu, mesyuarat yang berkaitan dengan pengurusan kumbahan telah diadakan sebanyak 2 kali pada tahun 2022. Tujuan mesyuarat ini diadakan secara berkala adalah sebagai satu platform untuk membincangkan isu - isu yang bangkit berkaitan dengan pengurusan kumbahan di loji kumbahan.

3.3.2. Pendakwaan

Pada tahun 2022, sebanyak 9 kertas siasatan telah disediakan. Bilangan kes yang didaftarkan di mahkamah dibawah kesalahan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) termasuk peraturan-peraturan di bawahnya adalah sebanyak 11 kes termasuk pendaftaran kes tahun 2021. Antara kesalahan yang dilakukan adalah seperti berikut:-

- a) **Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009**
Gagal mematuhi standard pelepasan efluen perindustrian yang dibenarkan
- b) **Seksyen 34A(6), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)**
Menjalankan aktiviti pembinaan tanpa mendapatkan kelulusan EIA terlebih dahulu
- c) **Seksyen 34B(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)**
Menempatkan atau melupuskan buangan terjadual di Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) tanpa kelulusan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling
- d) **Peraturan 5, PPKAS (Udara Bersih) 2014**
Gagal mengemukakan pemberitahuan bertulis bagi sistem kawalan pencemaran udara
- e) **Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)**
Penstoran luar tapak buangan terjadual tanpa lesen
- f) **Seksyen 16(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)**
Gagal mematuhi syarat lesen bagi Premis Yang Ditetapkan, PYDT(BT)


Jenis Kesalahan	Bilangan Pertuduhan Didaftarkan
Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)	2
Peraturan 11, PPKAS (Efluen Perindustrian) 2009	2
Peraturan 5, PPKAS (Udara Bersih) 2014	4
Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)	3
JUMLAH KES DIDAFTARKAN	11

Jadual 3.3: Bilangan kes yang didaftarkan mengikut jenis kesalahan bagi tahun 2022.

Jenis Kesalahan	Jumlah Denda Dikutip (RM)
Seksyen 34B(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)	45,000 dan penjara satu hari
Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)	20,000
Seksyen 34A(6), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)	55,000
PPKAS (Efluen Perindustrian) 2009	165,000
PPKAS (Udara Bersih) 2014	62,000
Seksyen 16, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)	5,000
JUMLAH KUTIPAN DENDA MAHKAMAH	352,000

Jadual 3.4: Jumlah kutipan denda mahkamah bagi tahun 2022 .

Sebanyak **4 kes perbicaraan** telah dijalankan sepanjang tahun 2022 di bawah pertuduhan Seksyen 16, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Seksyen 29A(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014. Hasil perbicaraan mendapati, kesemua Orang Kena Saman (OKS) telah dilepaskan dan dibebaskan (AND) oleh mahkamah semasa di peringkat akhir kes pendakwaan.



Graf 3.6: Bilangan tindakan mahkamah bagi tahun 2022 .

3.3.3. Gambar Penguatkuasaan Loji Kumbahan



Gambar 3.14: Kerja-kerja persampelan kumbahan sedang dilakukan terhadap sistem pengolahan kumbahan IWK .



Gambar 3.15: 3 Botol sampel kumbahan yang lengkap dimeterai .



Gambar 3.16: Kerja-kerja persampelan kumbahan sedang dilakukan - sistem pengolahan kumbahan persendirian .

3.4. UNIT KENDERAAN BERMOTOR

Program - program penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh Unit Kenderaan Bermotor Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

3.4.1. Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Daripada Kenderaan Diesel

Pengawalan pelepasan asap hitam daripada enjin diesel kenderaan bermotor dikuatkuasakan di bawah Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996. Bagi mengawal pelepasan asap hitam dari kenderaan bermotor ini, 2 kaedah operasi utama telah dijalankan iaitu:-

- a) Operasi Statik Bersepadu bersama agensi penguatkuasa iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan; dan
- b) Operasi catat/kamera video dimana operasi ini dijalankan menggunakan kaedah merakamkan gambar tetap ("still photo") atau gambar bergerak menggunakan kamera video atau kamera digital terhadap kenderaan yang didapati secara visual melepaskan asap hitam berlebihan.

(i) Operasi Statik Penguatkuasaan Pelepasan Kenderaan Berenjin Diesel Bersama Agensi Penguatkuasa

Sebanyak 22 operasi bersepadu bagi kenderaan diesel telah dijalankan dan daripada operasi tersebut, sebanyak 1,904 buah kenderaan berenjin diesel telah diperiksa. Terdapat 43 tawaran kompaun telah dikeluarkan di bawah Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan 78 notis arahan Pemeriksaan di bawah Seksyen 48(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk menjalani pemeriksaan semula asap hitam di PUSPAKOM, ke atas kenderaan yang melepaskan asap melebihi 50% ketumpatan.



Gambar 3.17: Operasi penguatkuasaan terhadap kenderaan enjin diesel bagi penguatkuasaan di bawah PPKAS (Kawalan Pelepasan Enjin Diesel) 1996 .

(ii) Operasi Catat/ Kamera Video Menggunakan Kamera Video atau Kamera Digital

Operasi catat adalah satu kaedah pemerhatian dan penguatkuasaan pelepasan asap hitam kenderaan diesel melalui visual menggunakan kamera video. Bagi tahun 2022, sebanyak 215 operasi catat telah dijalankan dimana 20,511 buah kenderaan diesel telah dicatat. Daripada jumlah tersebut, 124 buah kenderaan telah didapati melepaskan asap hitam berlebihan dan diberi notis arahan Pemeriksaan di bawah Seksyen 31, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk menjalani pemeriksaan asap hitam di PUSPAKOM.




Gambar 3.18: Operasi catat yang dijalankan dengan kaedah merakam gambar secara visual bagi kenderaan yang melepaskan asap hitam berlebihan .

3.4.2. Program Kawalan Pelepasan CO/HC Kenderaan Petrol, Gas Motosikal dan Bunyi Bising Motosikal

Pengawalan pelepasan daripada enjin petrol kenderaan bermotor dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996. Gas - gas yang diuji adalah gas karbon monoksida (CO) dan gas hidrokarbon (HC) menggunakan meter gas TEN Innova. Standard pelepasan yang dibenarkan bagi model kenderaan sebelum 1 Januari 1997 adalah CO (4.5%) dan HC (800 ppm) manakala bagi model kenderaan selepas 1 Januari 1997 pula CO (3.5%) dan HC (600 ppm).

- i. Bagi tahun 2022, sebanyak 6 operasi bersepadu bagi kenderaan petrol telah dijalankan dan 93 buah kenderaan petrol telah diuji meter. 5 daripada 93 buah kenderaan telah dikenakan tindakan kompaun di bawah Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996.





Gambar 3.19: Operasi penguatkuasaan terhadap kenderaan enjin petrol bagi penguatkuasaan di bawah PPKAS (Kawalan Pelepasan Enjin Petrol) 1996 .

- ii. Bagi kawalan terhadap peraturan di bawah Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003, sebanyak 6 operasi telah dijalankan dan 2 buah kenderaan motosikal dikenakan tindakan notis arahan dibawah Seksyen 48(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 .





Gambar 3.20: Operasi penguatkuasaan terhadap kenderaan motosikal bagi penguatkuasaan di bawah PPKAS (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) .

2003

- iii. Bagi pemeriksaan ujian bunyi bising motosikal yang dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987, sebanyak 16 kenderaan telah diperiksa dan 10 daripadanya telah dikeluarkan tawaran kompaun.



Gambar 3.21: Operasi penguatkuasaan terhadap kendaraan motosikal bagi penguatkuasaan di bawah PPKAS (Bunyi Bising Motosikal) 1987 .

3.4.3. Program Pemeriksaan Ke atas Premis Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator)

Pengendali Berkumpulan ataupun “Fleet Operator” (FO) adalah syarikat atau seseorang yang memiliki dan mengendalikan 10 unit atau lebih, kenderaan berenjin diesel. Bagi tahun 2022, sebanyak 24 buah premis pengendali berkumpulan di Negeri Melaka telah diperiksa dan diarahkan untuk menyediakan serta mengemaskini buku log. Buku log yang mengandungi semua maklumat berkaitan tarikh dan masa sesebuah kenderaan diselenggara dan melalui ujian pelepasan asap di PUSPAKOM berfungsi sebagai rujukan pengendali bagi memastikan kenderaan sentiasa diselenggara dan dihantar untuk membuat ujian mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Sebanyak 24 tindakan kompaun telah dikeluarkan kepada “Fleet Operator” pada tahun 2022 di atas kesalahan Pematuhan di bawah Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.



Gambar 3.22: Penguatkuasaan Ke atas Premis Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) bagi pematuhan pengurusan terhadap PPKAS (Buangan Terjadual)

2005 .

3.4.4. Program Pemeriksaan Pengesan Refrigerant (RI) ke atas Bengkel-Bengkel Penyaman Udara Kenderaan

Program pemeriksaan pengesan refrigerant (RI) dijalankan ke atas bengkel-bengkel yang mengendalikan penyaman udara kenderaan berdasarkan Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigerant) 2020 yang berkuatkuasa bermula 1 Jun 2020. Kebanyakan penyaman udara kenderaan mengandungi CFC12 sebagai bahan pendingin. CFC12 dikenali sebagai bahan pemusnah ozon (ODS), yang telah dihapuskan penggunaannya. Gas yang dibenarkan sebagai bahan pendingin udara kenderaan adalah R134a iaitu gas mesra ozon yang selamat digunakan. Bagi tahun 2022, sebanyak 5 buah bengkel telah diperiksa dan kesemuanya telah dimaklumkan mengenai pemakaian peraturan baru terhadap pengurusan refrigerant, daripada 5 siasatan tersebut, 1 premis telah dikenakan tindakan notis arahan di bawah Seksyen 31 dan 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 kerana gagal mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.





Gambar 3.23: Penguatkuasaan ke atas premis yang mengendalikan penyaman udara bagi pematuhan pengurusan terhadap PPKAS (Pengurusan Refrigeran) 2020 .

3.4.5. Penguatkuasaan Terhadap Peraturan 16, Peraturan - Peraturan (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 Dan Peraturan - Peraturan (Kawalan Daripada Enjin Petrol) 1996

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 12 program Penguatkuasaan Peraturan 16 telah dijalankan melibatkan perhentian dan stesen bas di Negeri Melaka. Penguatkuasaan Peraturan 16 adalah melibatkan pematuhan kepada kenderaan yang tidak bergerak melebihi 3 minit di dalam kawasan tertutup, kawasan letak kereta separa tertutup atau mana-mana perhentian. Kenderaan tersebut hendaklah dimatikan enjin berdasarkan penguatkuasaan Peraturan 16. Daripada jumlah siasatan tersebut, 1 perhentian bas telah dikenakan tindakan notis arahan di bawah Seksyen 31 & 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 di atas kegagalan mematuhi peraturan yang ditetapkan.



Gambar 3.24: Penguatkuasaan ke atas kenderaan diesel di terminal bus bagi pematuhan di bawah Peraturan 16, PPKAS (Kawalan Pelepasan Enjin Diesel) 1996 .

3.4.6. Program Ujian Semula Pelepasan Asap di PUSPAKOM

Ujian semula pelepasan asap kenderaan diesel di PUSPAKOM dijalankan pada setiap hari Rabu, dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari, dengan kehadiran kakitangan Jabatan Alam Sekitar Melaka. Ujian ini dijalankan ke atas kenderaan-kenderaan diesel yang telah menerima tawaran kompaun di bawah Peraturan 11, Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan Notis Arahan Pemeriksaan di bawah Seksyen 31 dan 48(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Bagi tahun 2022, kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah bertugas di PUSPAKOM selama 45 hari dan sebanyak 91 buah kenderaan telah menjalani ujian semula pada hari pegawai bertugas di PUSPAKOM.

3.4.7. Program Pemeriksaan/Audit Kemudahan Yang Di Luluskan (KYDL) PUSPAKOM

Audit ke atas KYDL PUSPAKOM turut dijalankan bagi memastikan premis mematuhi segala syarat- syarat lesen KYDL yang telah dikeluarkan. 3 asas utama yang perlu ada bagi KYDL adalah mempunyai anggota yang kompetan untuk mengendalikan alat, peralatan untuk melakukan ujian pelepasan asap dan mematuhi syarat- syarat lesen yang dikeluarkan sebagai KYDL. Pada tahun 2022, sebanyak 2 audit yang telah dijalankan di PUSPAKOM Melaka dan pematuhan yang direkodkan adalah 100%.



Gambar 3.25: Program pemeriksaan uji semula kenderaan yang telah dikenakan tindakan undang - undang dijalankan di PUSPAKOM .



Gambar 3.26: Audit pematuhan KYDL (Kemudahan Yang Diluluskan) dijalankan di Puspakom, Melaka.

3.4.8. Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel

Pada tahun 2022, sebanyak 20 lokasi persampelan telah dijalankan di premis stesen minyak di Negeri Melaka. Persampelan yang dilakukan melibatkan bahan api Petrol 97 bagi Pematuhan di bawah kandungan Petrol EURO 4M, Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel (Pindaan) 2013 dan sampel minyak Diesel EURO 5M bagi Pematuhan di bawah Peraturan - Peraturan (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel (Pindaan) 2021. Berdasarkan kepada keputusan yang direkodkan, kesemua 40 sampel minyak yang diambil mematuhi standard yang telah ditetapkan.



Gambar 3.27: Penguatkuasaan ke atas stesen minyak di Negeri Melaka bagi pematuhan di bawah PPKAS (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) (Pindaan) 2021.

3.4.9. Operasi Gerak

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menggiatkan lagi aktiviti penguatkuasaan ke atas punca - punca pencemaran termasuk dari punca kenderaan bermotor. Sehubungan dengan itu, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menjalankan Operasi Gerak bersepadu dengan agensi penguatkuasaan yang berkaitan iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), dengan sejumlah 23 Operasi Gerak telah dijalankan bagi tahun 2022.



Gambar 3.28: Operasi gerak bersama agensi penguatkuasa iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Negeri Melaka dijalankan mengikut frekuensi yang ditetapkan.



BAB 4
BAHAGIAN
PEMBANGUNAN

4. BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Bahagian Pembangunan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka lebih menitikberatkan pemprosesan laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dan memproses permohonan berkaitan cadangan pembangunan termasuk yang dirujuk oleh jabatan lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan PLANMalaysia. Selain itu, bahagian notifikasi, permohonan Kelulusan Bertulis/Kebenaran Bertulis dan permohonan lesen pendudukan sementara turut diproses. Bahagian ini turut menjalankan penguatkuasaan ke atas projek yang telah mendapat kelulusan laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA), bagi memastikan syarat - syarat yang diberikan dipatuhi, dengan menjalankan program Pengawasan Alam Sekitar dan menjadi penggerak kepada program pendidikan serta kesedaran Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka.

4.1. INPUT PEMBANGUNAN

Unit Input Pembangunan di bawah Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka bertanggungjawab untuk memproses permohonan cadangan pembangunan di seluruh Negeri Melaka yang terdiri daripada tiga daerah iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin. Terdapat empat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) dan Majlis Perbandaran Jasin (MPJ). Sepanjang tahun 2022, bilangan permohonan bagi Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) menunjukkan bilangan tertinggi iaitu sebanyak 450 permohonan seperti yang ditunjukkan pada **Graf 4.1**.

Pada tahun 2022, skop tugas Unit Input Pembangunan telah dilaksanakan dengan merujuk kepada *Environmental Essential for Siting of Industries in Malaysia* (EESIM). Unit Input Pembangunan berperanan memproses semua

permohonan yang melibatkan industri dan pembinaan dengan mengenalpasti penyediaan zon penampungan di antara kawasan penempatan dengan kawasan cadangan projek. Keperluan penyediaan laporan Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) bagi cadangan pembangunan juga akan disemak. Selain itu, pemohon juga hendaklah mencadangkan teknologi kawalan pencemaran yang terbaik atau “*Best Available Techniques*” (BAT) yang akan digunapakai mengikut keperluan kawasan persekitaran.

Proses penilaian serta ulasan permohonan dilaksanakan dengan mengambil kira cadangan guna tanah berdasarkan Pelan Rancangan Kemajuan peringkat Negeri atau setempat (Rujukan: Rancangan Tempatan Daerah (RTD), Rancangan Kawasan Khas (RKK) dan Rancangan Fizikal Negara). Selain itu, semakan juga akan dibuat bagi aktiviti-aktiviti yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling), 2015.

Jumlah permohonan cadangan pembangunan di Negeri Melaka yang diterima sepanjang tahun 2022 ialah sebanyak 1016 permohonan. Bilangan permohonan yang diterima setiap bulan adalah seperti yang ditunjukkan pada **Graf 4.2**. Berdasarkan graf tersebut, didapati bahawa Mac dan Disember 2022 menunjukkan bilangan permohonan paling tinggi iaitu sebanyak 52 permohonan.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka menerima permohonan cadangan pembangunan melalui beberapa agensi termasuklah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Tanah dan Daerah (PTD), Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Melaka (PTG) dan agensi-agensi teknikal. Sehubungan dengan itu, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka bertanggungjawab untuk memastikan pembangunan di Negeri Melaka ini dapat dilaksanakan selaras dengan kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Di

samping itu, JAS Negeri Melaka juga merupakan ahli kepada Jawatankuasa Perancangan Negeri (JPN) dan pelbagai jawatankuasa yang melibatkan perancangan dan pengurusan alam sekitar di Negeri Melaka.



Graf 4.1: Bilangan permohonan Input Pembangunan yang diterima dan diulas mengikut Daerah Bagi tahun 2022



Graf 4.2: Bilangan permohonan input pembangunan yang diterima dan diulas mengikut bulan bagi tahun 2022

4.2. UNIT EIA DAN PENGUATKUASAAN EIA


Penyediaan laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) adalah penting dalam mengenalpasti isu – isu alam sekitar yang berpotensi memberi impak negatif apabila projek pembangunan dilaksanakan. Laporan EIA juga akan mencadangkan langkah – langkah mitigasi yang berkesan bagi mengurangkan impak buruk akibat pembangunan aktiviti yang dicadangkan. Penyediaan laporan EIA mestilah berpandukan seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 termasuk garis panduan - garis panduan yang diterbitkan oleh Jabatan Alam Sekitar, bagi aktiviti - aktiviti yang tersenarai di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015.

Kelulusan laporan EIA yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar adalah sebagai input ulasan teknikal impak dan langkah mitigasi kepada pihak yang meluluskan projek, seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri bagi membolehkan pertimbangan dan keputusan yang terbaik terhadap sesuatu cadangan projek pembangunan yang dikemukakan.


Laporan EIA yang disediakan juga dapat membantu pihak pemaju untuk mengambilkira keperluan – keperluan penting dalam pemeliharaan alam sekitar dari aspek pemantauan dan kawalan pencemaran alam sekitar yang hendak dilakukan. Di samping itu, laporan EIA juga dilaksanakan dengan mengambilkira kos - kos yang diperlukan untuk menyediakan keperluan – keperluan alam sekitar seperti BMP, yang dikenalpasti di peringkat awal perancangan pelaksanaan projek. Kaedah penilaian laporan EIA juga telah ditambahbaik dengan mengemaskini garis panduan – garis panduan yang sedia ada dan juga penglibatan pemegang taruh bagi mendapatkan langkah mitigasi ulasan teknikal impak dan langkah mitigasi yang lebih berkesan.

4.2.1. Penilaian Laporan EIA

Pada tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menerima sebanyak 17 laporan EIA. Sebanyak 4 laporan EIA telah diluluskan manakala 5 daripadanya tidak diluluskan. Perbandingan laporan EIA yang diterima dari tahun 2013 sehingga 2022 ditunjukkan pada **Graf 4.3**. **Graf 4.4** menunjukkan jenis – jenis aktiviti bagi setiap laporan EIA yang diterima pada tahun 2022:



Graf 4.3: Bilangan permohonan EIA yang diterima tahun 2013 hingga tahun 2022



Graf 4.4: Penerimaan laporan EIA mengikut aktiviti tahun 2022

Berikut adalah antara gambar - gambar pemeriksaan tapak proses EIA yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022.



Gambar 4.1: Taklimat dan penerangan oleh perunding dan pemaju bagi projek EIA aktiviti perindustrian



Gambar 4.2: Taklimat serta penerangan oleh perunding dan pemaju bagi projek EIA aktiviti estet perindustrian




Gambar 4.3: Taklimat dan penerangan oleh perunding dan pemaju bagi projek EIA aktiviti perumahan

4.2.2. Penguatkuasaan EIA

Pada tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menjalankan 96 siri pemeriksaan penguatkuasaan mengikut jadual yang telah dirancang ke atas premis-premis EIA. Pemeriksaan ini diadakan bagi memastikan syarat - syarat kelulusan laporan EIA dipatuhi seperti yang disasarkan didalam sasaran tahun 2022.

Berdasarkan pemeriksaan yang telah dijalankan, didapati sebilangan besar projek telah memenuhi syarat-syarat kelulusan EIA. 10% daripada pemeriksaan tersebut telah direkodkan sebagai tidak mematuhi kriteria yang harus dipenuhi dalam projek EIA manakala 90% daripadanya memenuhi syarat – syarat yang dikemukakan. Bilangan kompaun, notis dan surat arahan yang dikeluarkan terhadap projek EIA bagi tahun 2022 adalah seperti **Rajah 4.1**.



Rajah 4.1: Pematuhan penguatkuasaan tahun 2022

Rajah 4.2 menunjukkan peratus pematuhan penguatkuasaan EIA 2022. Siasatan pematuhan dibuat berdasarkan Prosedur Kualiti yang ditetapkan oleh MS ISO 9001:2015.



Rajah 4.2: Peratus pematuhan penguatkuasaan ke atas premis EIA tahun 2022



Gambar 4.4: Aktiviti penguatkuasaan EIA di lapangan bagi Projek Takungan Pinggiran Sungai (TAPS)

Berikut adalah gambar–gambar penguatkuasaan EIA yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022.



Gambar 4.5: Aktiviti penguatkuasaan EIA di lapangan bagi projek perumahan



Gambar 4.6: Aktiviti penguatkuasaan EIA di lapangan bagi projek pembangunan bercampur



Gambar 4.7: Aktiviti penguatkuasaan EIA di lapangan bagi premis pemerolehan kembali buangan terjadual

4.3. PEMBERITAHUAN BERTULIS (NOTIFIKASI)

Tujuan utama Pemberitahuan Bertulis dilakukan adalah untuk memastikan cadangan pembinaan baharu atau peningkatan sistem kawalan pencemaran memenuhi kriteria reka bentuk yang dicadangkan mengikut garis panduan dan bersesuaian dengan jenis pencemaran yang hendak dikawal serta mampu beroperasi dengan cekap dan berkesan.

Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan), 2009, Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian), 2009 dan Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 2014 menghendaki supaya premis – premis yang berkaitan mengemukakan Pemberitahuan Bertulis kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar sebelum pembinaan sistem pengolahan kumbahan/efluen perindustrian, alat pembakaran bahan api serta sistem kawalan pencemaran udara.

Pemberitahuan Bertulis di bawah Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 adalah untuk pemasangan baru dan penambahbaikan yang melibatkan kerja – kerja menaiktaraf “Industrial Effluent Treatment System” (IETS) sedia ada bagi memastikan pematuhan sepenuhnya pelepasan efluen perindustrian dari premis.

Seterusnya, selaras dengan pewartaan Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014, pihak kilang, premis atau pemaju wajar mengemukakan Pemberitahuan Bertulis dalam tempoh 30 hari sebelum sebarang pembinaan atau perubahan sistem kawalan pencemaran udara dijalankan selaras dengan Peraturan 5(2), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Selain itu, Pemberitahuan Bertulis bagi pemasangan baru dan penambahbaikan alat pembakaran bahan api, adalah untuk memastikan kawalan ke atas pelepasan udara mematuhi standard pelepasan yang ditetapkan.

Pada tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menerima 7 Pemberitahuan Bertulis bagi pembinaan loji rawatan sisa kumbahan, 31 Pemberitahuan Bertulis bagi punca baru atau yang diubah efluen perindustrian atau efluen bercampur, 132 permohonan bagi pemasangan alat kawalan pencemaran udara serta 64 Pemberitahuan Bertulis untuk pemasangan alat pembakaran bahan api seperti dandang dan janakuasa. Bilangan permohonan yang diterima sepanjang 2017 sehingga 2022 mengikut jenis pemberitahuan adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Graf 4.5**.



Graf 4.5: Pemberitahuan Bertulis bagi Alat Pembakaran Bahan Api (APB), Alat Kawalan Pencemaran Udara (AKPU), Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian (SPEP) dan Kumbahan Bagi tahun 2017 hingga 2022

4.3.1. Lain – Lain Permohonan

Selain daripada Pemberitahuan Bertulis, unit input pembangunan juga memproses Lesen Pelanggaran dan Kebenaran Bertulis Seksyen 19 (KB Seksyen 19). Kebenaran Bertulis daripada Ketua Pengarah perlu diperolehi terlebih dahulu untuk menjadikan kenderaan, kapal atau premis sebagai Pembawa atau Premis Yang Ditetapkan (PYDT) sebelum ia boleh dilesenkan di bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Ini adalah bertujuan untuk mengawal operasi PYDT yang menjalankan aktiviti pemerolehan kembali, pengangkutan dan pengurusan semua Buangan Terjadual yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama, Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Pada tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menerima sebanyak 5 permohonan bagi Lesen Pelanggaran manakala 4 permohonan Kebenaran Bertulis dibawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. **Graf 4.6** menunjukkan permohonan – permohonan yang telah diterima:



Graf 4.6: Jumlah lain – lain permohonan bagi tahun 2022

4.4. UNIT PENDIDIKAN, KESEDARAN DAN PENGAWASAN

4.4.1. Unit Pendidikan Dan Kesedaran

4.4.1.1. Kempen Dan Pendidikan Alam Sekitar

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah melaksanakan program - program kesedaran alam sekitar sepanjang tahun 2022.

Program - program yang dilaksanakan secara berterusan ini adalah bertujuan untuk mendidik dan melahirkan masyarakat supaya mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan memulihara dan memelihara alam sekitar.


Pelbagai aktiviti telah dirancang bagi tahun 2022 termasuklah sambutan Hari Bumi, sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia, sambutan Hari Ozon dan sambutan Hari Alam Sekitar Negara program pengumpulan "Household e-Waste", pameran kesedaran, ceramah, aktiviti Kutip Sampah sambil Riadah (KUDAH) dan penanaman pokok.

4.4.1.2. Ceramah dan Pameran Alam Sekitar


Ceramah dan pameran alam sekitar merupakan satu mekanisma pendekatan yang dilaksanakan bertujuan menanam kesedaran mengenai pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar kepada masyarakat.

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 10 siri pameran dan 20 siri ceramah telah dijalankan. **Graf 4.7** dan **Graf 4.8** menunjukkan bilangan pameran dan ceramah yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka dari tahun 2017 sehingga 2022.

Pada tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar turut berpeluang untuk menyertai jelajah aspirasi keluarga malaysia yang diadakan pada 14 sehingga 16 Oktober 2022, bertempat di Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka. Selain itu, jabatan ini turut menerima jemputan menghadiri pameran dan ceramah yang dianjurkan oleh pihak industri, pihak berkuasa tempatan, sekolah - sekolah serta institusi pengajian tinggi.



Graf 4.7: Aktiviti pameran alam sekitar bagi tahun 2017 - 2022



Graf 4.8: Aktiviti ceramah alam sekitar bagi tahun 2017-2022



Gambar 4.8: Pameran Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia, Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka



Gambar 4.9: Pameran Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia, Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka




Gambar 4.10: Pameran Kesedaran di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah



Gambar 4.11: Pameran di Honda Malaysia Sdn. Bhd.



Gambar 4.12: Pameran di UNIKL Micet



Gambar 4.13: Ceramah alam sekitar di Honda Malaysia Sdn. Bhd.



Gambar 4.14: Ceramah alam sekitar di Panasonic (Malaysia) Sdn. Bhd. Cheng

4.4.1.3. Program Sambutan Hari Bumi

Bersempena dengan sambutan Hari Bumi tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menganjurkan webinar bagi mempromosikan penyertaan Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar sesi 2020/2022 pada 6 April 2022. Webinar ini telah disertai oleh seramai 362 peserta dari kalangan sekolah - sekolah dan agensi kerajaan yang berminat.

Objektif penganjuran webinar ini adalah untuk menyuntik semangat para guru bagi memberikan pendedahan berkenaan panduan penyediaan laporan dan seterusnya menyiapkan dan mengemukakan laporan penyertaan Program Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar, di mana tarikh tutup penyertaan adalah pada 31 Mei 2022.

Sempena sambutan Hari Bumi tahun 2022, Jabatan ini turut berpeluang bekerjasama dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Syed Zahiruddin untuk menganjurkan Program Kuiz Alam Sekitar kategori menengah atas peringkat Negeri Melaka.



Gambar 4.15: Webinar Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar

4.4.1.4. Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia

Satu program sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia tahun 2022 telah berjaya diadakan bertempat di Pusat Pendidikan Biodiversiti, Tanjung Tuan pada 11 Jun 2022 yang bertemakan **Hanya Satu Bumi**.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Haji Rosli bin Abdullah, ADUN Kuala Linggi bagi mewakili Kerajaan Negeri Melaka. Jabatan ini telah mendapat kerjasama yang padu daripada rakan strategik yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta, antaranya Jabatan Perhutanan Negeri Melaka, PERHILITAN Melaka, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka, SWM Management, Pacific Food Products Sdn. Bhd, Linggi Base Sdn. Bhd, Ciri Selasih Sdn. Bhd, Uniti Environmental Consultancy serta Malaysian Nature Society (MNS).

Hari Alam Sekitar Sedunia merupakan satu hari yang dikhususkan untuk menimbulkan kesedaran dan meningkatkan penghargaan masyarakat terhadap kecintaan kepada alam sekitar. Objektif sambutan adalah untuk menyemarakkan lagi kecintaan terhadap alam sekitar dan mengajak masyarakat sama-sama melindungi dan melestarikan alam sekitar. Antara aktiviti yang dianjurkan adalah “Hiking Walk for Life”, kutip sampah sambil riadah (KUDAH) disamping program penanaman 450 anak pokok bakau.



Gambar 4.16: Program Hanya Satu Bumi sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia peringkat Negeri Melaka



Gambar 4.17: Program “Hiking Walk for Life” sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia peringkat Negeri Melaka



Gambar 4.18: Program tanam pokok sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia peringkat Negeri Melaka



Gambar 4.19: Program KUDAH sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia peringkat Negeri Melaka

4.4.1.5. Program Sambutan Hari Ozon

Program sambutan Hari Ozon tahun 2022 peringkat Negeri Melaka telah diadakan pada 28 sehingga 30 September 2022 bertempat di Pusat Kokorikulum Jabatan Pendidikan Negeri Melaka Lanchang, Jasin, Melaka.

Objektif sambutan Hari Ozon adalah seperti berikut:

1. Untuk memberikan pendedahan kepada peserta mengenai kepentingan kesedaran alam sekitar;
2. Membina sikap positif dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar serta menyemai rasa kasih dan sayang terhadap alam persekitaran dan keindahan alam semula jadi;
3. Membentuk sikap kerjasama individu dalam pemuliharaan alam sekitar yang berterusan; dan
4. Membolehkan para peserta menikmati beberapa aktiviti rekreasi berteraskan alam sekitar.

Aktiviti - aktiviti yang telah dijalankan adalah taklimat - taklimat berkaitan Hari Ozon Sedunia daripada Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat, taklimat pembudayaan amalan 3R daripada SWCorp dan taklimat penghasilan produk - produk "upcycling" daripada Universiti Teknikal Melaka (UTEM). Selain itu, para peserta turut terlibat dengan aktiviti luar seperti "flying fox", "orienteering", aktiviti kutip sampah sambil riadah (KUDAH) dan Kem Kesedaran Alam Sekitar.



Gambar 4.20: Aktiviti “Ice Breaking”



Gambar 4.21: Persediaan sebelum memulakan aktiviti “Flying Fox”



Gambar 4.22: Taklimat oleh SWCorp Negeri Melaka



Gambar 4.23: Aktiviti berkumpul pengasingan sisa di punca bersama UTEM



Gambar 4.24: Aktiviti KUDAH di Sungai Kesang



Gambar 4.25: Aktiviti KUDAH di Sungai Kesang



Gambar 4.26: Aktiviti penanaman pokok sempena sambutan Hari Ozon Sedunia tahun 2022

4.4.1.6. Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara tahun 2022

Sempena dengan sambutan Hari Alam Sekitar Negara peringkat Negeri Melaka tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menganjurkan beberapa program bagi memupuk dan meningkatkan tahap kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Antara aktiviti yang dianjurkan termasuklah Majlis Penganugerahan Program Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar, Program Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik dari isi rumah, Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara dan ceramah serta pameran alam sekitar.

i. Majlis Penganugerahan Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar

Program yang memasuki kitaran kelapan pada sesi 2020/2022 ini telah mendapat penyertaan daripada 7 buah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah dari Negeri Melaka. Pihak Malaysian Refining Company Sdn. Bhd. telah berbesar hati dan bekerjasama sebagai rakan strategik Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka bagi majlis penganugerahan pada tahun ini.

Para juri yang dilantik telah membuat penilaian ke atas laporan dan video yang dikemukakan oleh sekolah-sekolah yang menyertai. Sehubungan dengan itu, panel juri dengan sebulat suara menobatkan Sekolah Kebangsaan Kampung Tun Razak sebagai penerima anugerah bagi kategori sekolah rendah manakala Sekolah Kebangsaan Durian Tunggal bagi kategori sekolah menengah. Setiap penerima anugerah telah menerima hadiah wang tunai berjumlah RM 2,000 serta piala iringan dan hadiah.

Majlis penyampaian anugerah Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Zaidi bin Attan selaku EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Negeri Melaka.



Gambar 4.27: Penerima anugerah Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar kategori sekolah menengah



Gambar 4.28: Penerima anugerah Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar kategori sekolah rendah

ii. Sambutan Hari Alam Sekitar Negara tahun 2022

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara tahun 2022 peringkat Negeri Melaka dengan jayanya telah diadakan pada 3 Disember 2022 bertempat di Melaka River Cruise Information Centre. Program pada kali ini telah mendapat kerjasama sepenuhnya daripada rakan strategik Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka iaitu Medivest Sdn. Bhd. dan Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Negeri Melaka.

Program sambutan pada tahun ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Zaidi bin Attan, selaku EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Negeri Melaka.

Pelbagai pengisian program antaranya kutip sampah sambil riadah di tebing sungai Melaka dan aktiviti pembersihan sungai menaiki bot sepanjang 4.5 kilometer menyusuri sungai Melaka, aktiviti senaman ringan dan 1 RAS 1 Pokok turut diadakan.



Gambar 4.29: Majlis sambutan Hari Alam Sekitar Negara tahun 2022 peringkat Negeri Melaka



Gambar 4.30: Aktiviti KUDAH tebing Sungai Melaka



Gambar 4.31: Aktiviti pembersihan Sungai Melaka

iii. Program pengumpulan buangan elektrik dan elektronik dari isi rumah (“Household e-Waste”)

Kempen pengumpulan “e-Waste” dari isi rumah merupakan program teras Jabatan ini. Kempen yang berkenaan telah diumumkan oleh YB Menteri Alam Sekitar dan dilaksanakan pada hari Sabtu terakhir bagi setiap bulan, bermula pada Januari 2021.

Bagi tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menjalankan sejumlah 48 program termasuklah dengan kerjasama antara agensi kerajaan dan swasta.

Sempena dengan sambutan Hari Alam Sekitar Negara tahun 2022, Jabatan ini dengan kerjasama rakan strategik, Meriahtek Sdn. Bhd. telah menganjurkan program pengumpulan buangan elektrik dan elektronik dari isi rumah. Program tersebut telah berlangsung selama 2 minggu dengan penyertaan sebanyak 19 buah sekolah dan seramai 597 orang peserta. Jumlah kutipan “e-Waste” yang telah berjaya dikumpulkan adalah seberat 8047.5 kg.



Gambar 4.32: Program pengumpulan “Household e-Waste” sempena Hari Alam Sekitar Negara tahun 2022



Gambar 4.33: Program pengumpulan “Household e-Waste” sempena Hari Alam Sekitar Negara tahun 2022



Gambar 4.34: Program pengumpulan “Household e-Waste” sempena Hari Alam Sekitar Negara tahun 2022



Gambar 4.35: Program pengumpulan “Household e-Waste” sempena Hari Alam Sekitar Negara tahun 2022

4.4.1.7. Lain - Lain Aktiviti Tahun 2022

Program kesedaran yang dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka tidak terhad kepada sambutan tertentu sahaja. Antara aktiviti kesedaran alam sekitar termasuklah Program Hijau bersama pihak pengurusan Menara Persekutuan Melaka, sidang media, wawancara radio dan hebahan berkaitan larangan pembakaran terbuka.



Gambar 4.36: Program Hijau bersama warga kerja Menara Persekutuan



Gambar 4.37: Wawancara radio sempena Hari Alam Sekitar Negara tahun 2022



Gambar 4.38: Sidang media bersama EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Negeri Melaka



Gambar 4.39: Hebahan larangan pembakaran terbuka

4.4.1.8. Program Rakan Alam Sekitar



Latar Belakang RAS


Program Rakan Alam Sekitar (RAS) telah dilancarkan pada 4 Jun 2009 oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Bin Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Program Rakan Alam Sekitar (RAS) merupakan inisiatif Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dalam membangunkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat dalam aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

Rakan Alam Sekitar melibatkan anggota masyarakat secara 'hands-on' iaitu menjadi mata dan telinga untuk membantu agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan atau mencemarkan alam sekitar.

Objektif Program Rakan Alam Sekitar (RAS)

Objektif Program Rakan Alam Sekitar adalah seperti berikut:

1. Memberi kesedaran alam sekitar di setiap lapisan masyarakat; dan
2. Menanam rasa tanggungjawab di kalangan masyarakat untuk bertindak dan mengambil bahagian dalam menjaga alam sekitar yang dikongsi bersama dan menyediakan saluran yang tepat bagi masyarakat membuat aduan atau pandangan mengenai alam sekitar kepada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.



Graf 4.9: Bilangan ahli RAS mengikut tahun 2017 sehingga tahun 2022

RAS merupakan salah satu strategi untuk menggalakkan penyertaan komuniti setempat untuk lebih cakna ke atas perubahan kepada alam sekitar dengan diterajui oleh pemimpin masyarakat sepertimana tindakan yang digariskan dalam Pelan Strategik Jabatan Alam Sekitar 2021-2030 terbitan Jabatan Alam Sekitar. Penyertaan sebagai ahli adalah percuma dan terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia.

4.4.2. Unit Pengawasan

4.4.2.1. Pengawasan Kualiti Air Sungai

Sepanjang tahun 2022, program pengawasan kualiti air sungai telah dijalankan di 10 buah lembangan sungai yang melibatkan 54 buah stesen pemantauan manual (**Jadual 4.1**). Lembangan sungai utama di Negeri Melaka yang diawasi adalah Sungai Melaka (23 stesen), Sungai Duyong (4 stesen), Sungai Kesang (10 stesen), Sungai Linggi (3 stesen), Sungai Merlimau (5 stesen), Sungai Sri Melaka (Sg. Malim) iaitu 3 stesen, Sungai Punggur (2 stesen), Sungai Tuang (2 stesen), Sungai Udang (1 stesen) dan Sungai Baru (1 stesen). Program pengawasan kualiti air sungai dilaksanakan oleh Pakar Scieno TW Sdn Bhd (PSTW) melalui program penswastan sejak tahun 2017.

Terdapat 6 parameter yang diukur mengikut standard pengklasifikasian **Indeks Kualiti Air** (IKA) Jabatan Alam Sekitar iaitu Oksigen Biokimia Yang Diperlukan (BOD), Oksigen Kimia Yang Diperlukan (COD), Pepejal Terampai (SS), pH, Oksigen Terlarut (DO) dan Amonikal Nitrogen (AN). **Jadual 4.2** menunjukkan pengelasan kualiti air dan Indeks Kualiti Air Sungai di Malaysia. **Gambar 4.40** menunjukkan lokasi stesen pengawasan air sungai automatik di Negeri Melaka iaitu berhampiran takat pengambilan air Durian Tunggal dan takat pengambilan air Chin Chin.

Bermula tahun 2022, orang awam boleh menyemak data kualiti air sungai bagi stesen manual dan stesen automatik melalui laman sesawang <http://rqims.doe.gov.my/>.

Lembangan	Sungai	Jumlah Stesen
Sungai Melaka	Melaka	13
	Btg. Melaka	3
	Durian Tunggal	1
	Rembia	2
	Tampin	1
	Putat	2
	Malim	1
Duyong	Duyong	3
	Gapam	1
Kesang	Kesang	4
	Chohong	2
	Chin Chin	3
	Tangkak	1
Linggi	Simpang Ampat	1
	Siput	2
Merlimau	Merlimau	5
Sri Melaka / Malim	Ayer Salak	1
	Sri Melaka	1
	Malim	1
Udang	Udang	1
Punggor	Punggor	2


Tuang	Tuang	2
Baru	Baru	1
Jumlah Keseluruhan Stesen		54

Jadual 4.1: Bilangan lembangan dan bilangan stesen kualiti air sungai yang dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar

INDEKS KUALITI AIR (IKA)	KELAS	PENGGELASAN KUALITI AIR
>92.7	I	Bekalan air tanpa sebarang rawatan
76.5 - 92.7	II	Bekalan air dengan rawatan konvensional
51.9 - 76.5	III	Bekalan air dengan rawatan tambahan
31.0 - 51.9	IV	Sesuai untuk tujuan pengairan
<31.0	V	Tidak sesuai untuk mana-mana tujuan di atas

INDEKS KUALITI AIR	INDEKS AIR
81-100	<i>CLEAN</i>
60-80	<i>SLIGHTLY POLLUTED</i>
0-59	<i>POLLUTED</i>

Jadual 4.2: Klasifikasi kualiti air sungai mengikut kelas



Gambar 4.40: Lokasi stesen pengawasan air sungai automatik di Negeri Melaka

4.4.2.2. Program Pengawasan Kualiti Air Marin

Sepanjang tahun 2022, program pengawasan kualiti air marin telah dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak konsensi iaitu Pakar Scieno Techno Water Sdn Bhd (PSTW). Program pengawasan kualiti air marin telah dijalankan di 23 buah stesen pengawasan. Ianya melibatkan stesen persisiran pantai, kuala dan pulau di seluruh Negeri Melaka.

Program pengawasan kualiti air marin ini dilaksanakan bertujuan untuk memantau perubahan status kualiti air marin di Negeri Melaka berdasarkan kepada kegunaannya seperti kawasan pemeliharaan taman laut, hidupan laut / perikanan, pelabuhan / kawasan minyak dan gas dan kawasan paya bakau / muara sungai.

Program pengawasan kualiti air marin ini dilaksanakan bertujuan untuk memantau perubahan status kualiti air marin di Negeri Melaka berdasarkan kepada kegunaannya seperti habitat marin sensitif, perikanan (termasuk marikultur), industri, aktiviti komersial & kawasan kediaman pesisir pantai, muara sungai, dan rekreasi.

Sebanyak 6 frekuensi telah dijalankan sepanjang tahun 2022. Secara keseluruhannya, pada tahun 2021, Indeks Kualiti Air Marin (IKAM) di semua stesen persisiran pantai, kuala dan pulau di Negeri Melaka berada pada kategori “Good” (baik) dan “Moderate” (sederhana).

Bermula tahun 2022, orang awam boleh menyemak data kualiti air marin bagi stesen manual dan stesen automatik melalui laman sesawang <http://mqims.doe.gov.my>



Gambar 4.41: Stesen Pengawasan Air Marin CM02M, Pulau Undan, Melaka

Rajah 4.3, Rajah 4.4 dan Rajah 4.5 menunjukkan lokasi pengawasan marin yang telah dijalankan mengikut daerah di Negeri Melaka. Penentuan lokasi stesen pengawasan adalah bergantung kepada kepentingan sesuatu kawasan yang dikenalpasti berpotensi untuk tercemar akibat projek pembangunan.

Manakala, **Jadual 4.2** menunjukkan “Marine Water Quality Criteria and Standards (MWQCS)”. Mulai tahun 2013, pengiraan status kualiti air marin adalah berdasarkan Indeks Kualiti Air Marin (IKAM). **7 parameter** asas yang diambil kira untuk pengiraan IKAM adalah Oksigen Terlarut (DO), Ammonia, “Faecal coliform”, Jumlah Pepejal Terampai, Minyak & Gris, Nitrat dan Fosfat.



Rajah 4.3: Lokasi Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin Daerah Melaka Tengah



Rajah 4.4: Lokasi Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin Daerah Jasin



Rajah 4.5: Lokasi Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin Daerah Alor Gajah

PARAMETER (µg/l) melainkan dinyatakan sebaliknya	KLASIFIKASI					
	KELAS 1	KELAS 2	KELAS 3	INTERIM KELAS E1	INTERIM KELAS E2	INTERIM KELAS E3
	Habitat Marin Sensitif	Perikanan (Termasuk Marikultur)	Industri, Aktiviti Komersial & Kawasan Kediaman Pesisir Pantai	Muara Sungai		
				Dataran Pantai	Lagun	Rangkaian Kompleks
Oksigen Terlarut (mg/l)	>6.0	>5.0	>3.0	>5.0	>5.0	>5.0
Jumlah Pepejal Terampai (mg/l)	25.0	50.0	100.0	30.0	30.0	30.0
Fosfat	5.0	75.0	670.0	100.0	180.0	180.0
Nitrat	10.0	60.0	700.0	200.0	570.0	430.0
Ammonia	35.0	50.0	320.0	5.0	10.0	10.0
Merkuri	0.04	0.04	0.04	0.04	0.04	0.04
Kadmium	0.14	10	20	10	10	10
Kromium (VI)	1.3	2.9	8	1	1	1
Kuprum	2	7	14	5	5	5
Sianida	2	7	14	5	5	5
Plumbum	2.2	8.5	12	1.3	2	2
Zink	7	50	100	16	5	5
Arsenik (III)	1	3	3	3	1	1
Aluminium	27	27	55	27	27	27
TBT	0.001	0.01	0.05	0.002	0.002	0.002

PAH	100	200	1000	5	5	5
Jumlah Fenol	1	10	100	10	10	10
Minyak & Gris (mg/l)	0.01	0.14	5	1	1	1
Faecal Coliform (Cfu/100ml)	70	70	70	70	70	70
Suhu (°C)	≤ 2 °C bertambah melebihi ambien maksimum					
pH	6.5 - 9.0					
Marine litter	Bebas dari marine litter					

Jadual 4.3 : Kriteria dan standard kualiti air laut di Malaysia

4.4.2.3. Pengawasan Kualiti Air Tanah

Terdapat 3 stesen pengawasan kualiti air tanah dan aktiviti - aktiviti pengawasan akan dilaksanakan sendiri oleh pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka yang terletak di Loji Penapisan Petronas (M) Sdn. Bhd, Sungai Udang, Tapak Pelupusan Sampah Sungai Udang dan Pusat Kecemerlangan Bahan Berbahaya, Taboh Naning, Alor Gajah.

Stesen Air Bawah Tanah di Tapak Pelupusan Sampah Sungai Udang baru dibuka pada akhir tahun 2018. Ia dibina dengan tujuan untuk memantau kualiti air tanah di kawasan tersebut yang juga merupakan tapak pelupusan sampah.

Pengawasan kualiti air bawah tanah adalah penting bagi memantau pergerakan dan juga pencemaran air bawah tanah. Aktiviti pengawasan kualiti air bawah tanah dilakukan dengan kekerapan 4 kali setahun. Antara parameter air tanah yang diukur adalah seperti pH, suhu, konduktiviti, kekeruhan, "Volatile Organic Compound (VOC)", "Organochlorine Pesticide", logam berat, fenol, nitrat, bakteria dan "Total Organic Compound (TOC)".

Indek Kualiti Air Tanah (IKAT)	Kategori	Potensi Penggunaan
0 – 29	Sangat Tercemar	Tinjauan diperlukan sebelum kegunaan
30 - 50	Tercemar	Pengairan
51 - 74	Sederhana	Air Mentah / Penggunaan Industri
75 - 90	Bersih	Berpotensi sebagai air minuman, tertakluk kepada pematuhan semua parameter yang disenaraikan dalam piawaian Kualiti Air Minum di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia
> 90	Sangat Bersih	Air berkualiti tinggi bagi semua bentuk penggunaan, tertakluk kepada piawaian kualiti air yang ditetapkan untuk setiap bentuk penggunaan

Jadual 4.4: Indeks Kualiti Air Tanah (IKAT) di Malaysia




Gambar 4.42: Aktiviti persampelan kualiti air bawah tanah di Stesen Air Bawah Tanah, Loji Penapisan Petronas Sungai Udang



Gambar 4.43: Aktiviti persampelan kualiti air bawah tanah di Stesen Pusat Kecemerlangan Bahan Berbahaya, Taboh Naning, Alor Gajah

4.4.2.4. Pengawasan Kualiti Udara

Indeks Pencemaran Udara (IPU) digunakan untuk memberikan maklumat yang cepat, tepat dan mudah difahami berkenaan status udara kualiti ambien sesuatu kawasan. Nilai IPU memudahkan orang awam untuk mengetahui status kualiti udara di sesuatu kawasan samada berada pada tahap baik, sederhana, tidak sihat, sangat tidak sihat ataupun berbahaya. Nilai IPU dikira berdasarkan kepada parameter zarahhan terampai (PM), Sulfur Dioksida (SO₂), Nitrogen Dioksida (NO₂), Ozon Paras Permukaan Bumi (O₃) dan Karbon Monoksida (CO).



Rajah 4.6: Petunjuk Indeks Pencemaran Udara (IPU)

4.4.2.5. Lokasi Stesen Pengawasan Udara Di Negeri Melaka

Terdapat 3 buah stesen udara automatik di Negeri Melaka yang bertempat dilokasi berikut:

- i. Stesen Udara Automatik di Bandaraya Melaka (Sek. Men. Tinggi Melaka) – stesen ini dikategori “urban” kerana dibina berdasarkan aktiviti pelancongan dan kepadatan penduduk;
- ii. Stesen Udara Automatik di Bukit Rambai (Sek. Men. Keb Bukit Rambai) – stesen ini dikategori “sub urban” kerana dibina berdasarkan kepada aktiviti perindustrian (perkayuan); dan
- iii. Stesen Udara Automatik di Alor Gajah (Sek. Men. Keb. Sri Pengkalan) - stesen ini dikategori “rural” kerana dibina berdasarkan punca kepada aktiviti perindustrian, aktiviti kuari dan kepadatan penduduk. Stesen ini mula beroperasi pada bulan Mei 2017.



Gambar 4.44: Stesen pengawasan kualiti udara automatik, Sekolah Menengah Tinggi Melaka



Gambar 4.45: Stesen pengawasan kualiti udara automatik, Sekolah Menengah Bukit Rambai



Gambar 4.46: Stesen pengawasan kualiti udara automatik, Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Pengkalan.

4.4.2.6. Pengawasan Bunyi Bising Ambien

Pengawasan bunyi bising ambien selama 24 jam telah dijalankan di 2 buah lokasi di Negeri Melaka iaitu di Sekolah Kebangsaan Taman Merdeka di atas Lot 2818, Mukim Batu Berendam dan di Taman Peruna, Sungai Ugang. Lokasi ini dipilih berdasarkan kepada punca pencemaran bunyi yang berbeza, iaitu daripada aktiviti lapangan terbang dan aktiviti industri iaitu memproses minyak mentah.

5.0 KESIMPULAN

Gabungan tugas yang dilaksanakan oleh setiap unit di dalam Bahagian Pembangunan, Bahagian Operasi dan Bahagian Pentadbiran dan Kewangan adalah bertujuan dalam memastikan misi dan visi Jabatan Alam Sekitar tercapai berdasarkan peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 yang dikuatkuasakan.

Terima kasih.



**JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA
ARAS 19, MENARA PERSEKUTUAN
JALAN PERSEKUTUAN, HANG TUAH JAYA,
75450 AYER KEROH, MELAKA**